


Belanjawan 2017: Ke Arah Negeri Keusahawanan & Kebajikan

MS 14 & 15



buletin Mutiara

PERCUMA



www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

16 – 30 NOVEMBER, 2016

SAR Negeri terima sumbangan kali ke-8

Ustaz-ustazah, tuan guru pondok, huffaz tidak terkecuali

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

PENANTI – Buat kali kelapan, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan menyampaikan sumbangan RM1.75 juta peruntukan tambahan kepada 178 sekolah agama rakyat (SAR) pelbagai kategori di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap, sumbangan itu adalah sebagai menghargai 1,427 ustaz-ustazah, guru-guru Al-Quran, cikgu-cikgu sekolah agama serta barisan tuan guru pondok pengajian agama yang membantu Kerajaan Negeri dalam memartabatkan Islam di Pulau Pinang.

"Ia (RM1.75 juta) adalah tambahan kepada apa yang telah pun diperuntukkan (RM1.75 juta).

"Tentulah saya berasa kesal dengan sesetengah pihak yang mengatakan kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) hanya memberikan sebanyak RM1.75 juta sahaja dalam setahun.

"Sebenarnya, peruntukan yang diluluskan Kerajaan Negeri untuk pembangunan Hal Ehwal Agama Islam saban tahun bermula dari Bajet 2009 adalah mencecah RM50 juta setahun dan adalah antara yang tertinggi.

"Di samping itu, sebagai mengenang jerih perih, bakti dan sumbangan pegawai masjid dan guru-guru agama, Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 juga telah memberi insentif dan bayaran khas kewangan kepada mereka, setakat akhir 2015 adalah berjumlah kumulatif RM28.77 juta.

"Pada tahun semasa 2016 sehingga kini, Kerajaan Negeri telah menyumbang sejumlah RM4.57 juta kepada pegawai masjid, guru-guru agama dan para huffaz.

"Untuk tahun 2017, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM49.37 juta untuk pembangunan Hal Ehwal Agama Islam termasuk pembiayaan bagi sumbangan



KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (barisan depan, dua dari kanan), Abdul Malik Abul Kassim (barisan depan, kanan sekali), Dr. Wan Azizah Wan Ismail (barisan depan, lima dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para penerima bergambar kenangan pada Majlis Penyerahan Bantuan SAR Negeri Pulau Pinang 2016 dan Perasmian Bangunan Baru Sekolah Rendah Islam Maahad At-Tarbiah, Guar Jering, Penanti, Permatang Pauh baru-baru ini.

dan bantuan khas kewangan pegawai masjid, guru-guru agama dan para huffaz," ucapnya pada Majlis Penyerahan Bantuan SAR Negeri Pulau Pinang 2016 dan Perasmian Bangunan Baru Sekolah Rendah Islam Maahad At-Tarbiah, Guar Jering, Penanti, Permatang Pauh baru-baru ini.

Turut berucap, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim serta Ahli Parliment Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang juga Ketua Pembangkang Parliment Malaysia.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela

Ariffin; ADUN Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man yang juga Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP); Ahli Parliment Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Dato' Sazali Hussein.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng mengesyorkan penerapan Sains, Teknologi Kejuruteraan, Bahasa Inggeris dan Matematik (ESTEEM) di semua jenis institusi pengajian agama Islam di negeri ini.

"Selain buat kuliah agama, buat juga kuliah sains dan teknologi kerana kalau kita lihat zaman keemasan Islam, ilmuwan Islam banyak menyumbang pada dunia sains dan teknologi.

"Tanpa ilmu nombor atau algebra yang disumbangkan oleh ilmuwan Islam (Al-Khawarizmi), ilmu matematik, sains dan komputer yang menggunakan algebra tidak wujud.

Kerajaan Negeri memperuntukkan
RM 49.37 juta
untuk pembangunan Hal Ehwal Agama Islam termasuk pembiayaan bagi sumbangan dan bantuan khas kewangan pegawai masjid, guru-guru agama dan para huffaz pada tahun 2017.

"Bagi kami, sesiapa yang mendalam pendidikan Islam, ia adalah penegak pada keamanan," ujarnya sambil menolak diayah Islamophobia oleh pihak tertentu di peringkat global.

*Sejumlah RM1.75 juta disalurkan kepada 178 buah SAR yang meliputi :
1. Sekolah Menengah Agama Rakyat (7 buah)
2. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (11 buah)
3. Sekolah Rendah Agama Rakyat (7 buah)
4. Maahad Tahfiz (27 buah)
5. Sekolah Agama Rakyat - Kafa Integrasi (106 buah)
6. Tadika Islam (14 buah)
7. Pondok (6 buah)

*Bantuan ini turut dinikmati 1,427 guru yang mengajar di sekolah-sekolah yang tersenarai.

1.Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)	RM389,800.00
2.Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	RM264,500.00
3.Sekolah Rendah Agama Rakyat (ESTEEM)	RM382,020.00
4.Maahad Tahfiz	RM177,200.00
5.Sekolah Agama Rakyat (KAFA Integrasi)	RM453,800.00
6.Tadika Islam	RM 22,680.00
7.Pondok	RM 60,000.00
JUMLAH	RM 1,750,000.00

*Ikuti temu bual khas Pengurus Sekolah Rendah Islam Maahad At-Tarbiah mengenai peruntukan tambahan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan bernilai RM1.3 juta untuk pembinaan bangunan baru sekolah berkaitan pada penerbitan akan datang.

Keluarga, masjid mesti semarak ilmu hadapi ancaman pelampau agama - Rashid

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

PADANG KOTA – Institusi kekeluargaan dan masjid diseru bersama-sama Kerajaan Negeri menyemarak program pendidikan Islam yang sebenar demi mencegah ancaman pelampau agama serta penyebaran fahaman songsang dalam masyarakat majmuk di Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon memberitahu, penganjuran kali kedua Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin berkaitan diharapkan memperbaiki imej Islam sebagai agama adil dalam komuniti.

"Apabila masyarakat mencintai ilmu, kita mampu melahirkan masyarakat berkualiti yang menjauhi sifat mungkar dan negatif."

"Masyarakat berilmu turut dapat membantu mambasmi jenayah yang kita lihat pada hari ini seperti bencana yang besar," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak ketika merasmikan konvensyen tersebut di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid dalam pada itu turut merakamkan penghargaan atas kejayaan pihak Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim menganjurkan konvensyen



MOHD. RASHID HASNON (tengah) sambil diiringi Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) menyampaikan cenderahati kepada Shaykh Yahya Ibrahim pada Majlis Perasmian Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin di sini baru-baru ini.

berkaitan dalam tempoh tiga hari.

Sebelum itu, Abdul Malik memberitahu, Kerajaan Negeri hari ini sejak tahun 2008 komited memartabatkan Islam serta intelektual umat di negeri ini.

Justeru menurutnya, inisiatif Kerajaan Negeri menerapkan Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin (Islam Sebagai Rahmat Ke Seluruh Alam) melalui pelbagai program pendidikan ilmu Al-Quran mampu mencegah gejala takfiri

(saling mengkafir) dalam kalangan umat Islam.

"Diharap majlis seperti ini mampu menerapkan ajaran Al-Quran dan Sunnah, memperbaiki persepsi ajaran agama sebenar dan pandangan umum terhadap rahmat Islam kepada sekalian alam," jelasnya yang juga ADUN Batu Maung.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man; Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor turut serta majlis perasmian konvensyen tersebut.

Pada penganjuran berkaitan, Pendakwah dan Pensyarah University of Curtin, Perth, Shaykh Yahya Ibrahim menyampaikan ucaptama berkisarkan sifat kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W yang membawa rahmat kepada alam.

Wacana ilmiah mengenai Memperkasa Ibu Bapa Sebagai Inspirasi Kecemerlangan Anak, Keadilan Untuk Semua, Masjid Pusat Pembangunan Komuniti dan Ummah serta Kegemilangan Empat Imam Mengukuhkan Ummah antara yang menarik dalam konvensyen kali ini.

Usaha anjur wacana ilmu perlu berterusan, saran Exco Agama



ABDUL Walid Abu Hassan (tengah) dan barisan panel yang menjayakan Forum Islam Pelindung Wanita? pada penganjuran Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil'Alamin Ke-2 di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – kira 200 individu menghadiri Forum Islam Pelindung Wanita? anjuran Sekretariat Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) di sini baru-baru ini.

Forum yang diadakan bersempena Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin Ke-2 itu disempurnakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Dalam ucapan perasmian, Abdul Malik berkata, penganjuran forum tersebut adalah bertujuan berkongsi ilmu dan pengetahuan berhubung undang-undang syariah, hukum-hakam agama Islam dan persepsi sebenar kedudukan wanita dalam Islam.

"Pelbagai persepsi negatif dilemparkan yang memburuk-burukkan Islam dan inilah cabaran buat umat Islam seantero dunia untuk menjelaskan serta memperbetulkan persepsi-persepsi negatif yang timbul."

"Tambahan pula, dalam situasi wujudnya segelintir pihak yang bertindak radikal sehingga menjelaskan kredibiliti dan kewibawaan agama Islam sebagai rahmat seluruh alam."

"(Oleh itu), Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil inisiatif mengadakan program-program wacana ilmu seperti ini yang melibatkan segenap lapisan masyarakat dalam usaha mengangkat martabat agama Islam sebagai agama rahmat seluruh alam."

"(Dan) saya sarankan supaya usaha berterusan perlu diambil terutama bagi memastikan orang bukan Islam mempunyai persepsi yang betul terhadap Islam dan hukum-hakamnya...tidak kiralah melalui

pengajuran wacana ilmu oleh Kerajaan Negeri mahupun badan-badan bukan kerajaan (NGO) atau melalui usahasama semua pihak," ucapnya yang gembira dengan respons umum terhadap program-program wacana anjuran Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan lain.

Hadir sama, Mufti Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor. Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng.

Forum yang dikelolakan Felo Penyelidikan dan Akademi, Universiti Sains Malaysia (USM) menampilkan panel-panel berpengalaman, antaranya Ketua Hakim Syarie Negeri Pulau Pinang, Dato' Abdul Walid Abu Hassan; Ahmad Munawir Abdul Aziz dan Sa'adiah Din (Peguam Syarie) serta Mohamad Shahidan Abdul Ghapar selaku Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Pulau Pinang.

Selain membincangkan isu-isu semasa berhubung cabaran yang dihadapi oleh kaum Hawa dalam sistem mahkamah di Malaysia, panel-panel turut menyentuh isu peruntukan dalam undang-undang syariah mengenai hak, nafkah, harta sepencarian serta peranan dimainkan institusi sokongan kekeluargaan di Malaysia amnya.

Segala cadangan dan perbincangan dalam Forum Islam Pelindung Wanita? berkaitan akan dikemukakan sebagai resolusi konvensyen nanti.

Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin merupakan acara tahunan anjuran MMK Hal Ehwal Agama Negeri Pulau Pinang.

Diadakan pada 4 hingga 6 November lalu, ucaptama disampaikan oleh Pendakwah Islam Antarabangsa, Shaykh Yahya Ibrahim.



Adalah tidak betul samakan projek penguraian trafik dgn RTB Sungai Pinang – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri kesal dengan kenyataan tidak berasas pihak-pihak tertentu yang membuat fitnah bahawa Kerajaan Negeri sedia membelanjakan RM305 juta bagi kos kajian kebolehlaksanaan projek tiga lebuh raya dan sebuah terowong bawah dasar laut, tetapi enggan membelanjakan RM350 juta untuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng sebagai respons berkata, perbelanjaan RM305 juta bagi kajian kebolehlaksanaan adalah di bawah E&O Berhad yang dibiayai hasil pemberian tanah kepada

Kerajaan Negeri.

"Perlu dijelaskan bahawa projek tambakan laut Bandar Sri Tanjung oleh E&O Berhad itu adalah projek bagi mewujudkan sebuah pulau buatan manusia yang diluluskan semasa pentadbiran Kerajaan Negeri terdahulu dengan bayaran sebanyak RM1 setiap kaki persegi (k.p) melibatkan pemberian tanah sebanyak 50 ekar kepada Kerajaan Negeri.

"Setelah Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri, Ketua Menteri mengadakan perbincangan semula dengan E&O Berhad dan mendesak supaya menyerahkan lebih banyak tanah bagi projek lebuh raya dan terowong dasar laut yang bernilai RM6.3 bilion.



LIM HOCK SENG.

"Akhirnya, E&O Berhad bersetuju untuk menambah serahan tanah dari 50 ekar kepada 190 ekar kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan

pelaksanaan projek berkaitan untuk menguraikan kesesakan trafik.

"Maka, adalah tidak betul untuk samakan projek penyuraian trafik dengan RTB Sungai Pinang, sama seperti menyamakan projek pelabuhan dengan projek lapangan terbang," ujarnya mengulas dakwaan tersebut pada sidang media 9 November 2016 di sini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal turut kesal dengan kenyataan tidak berasas pihak-pihak tidak bertanggungjawab, kononnya pembangunan tidak terkawal menjadi punca utama banjir di Pulau Pinang baru-baru ini terutama di kawasan Datuk Keramat dan Sungai Pinang.

"RTB Sungai Pinang telah

terbengkalai selepas kegagalan menyempurnakan Fasa 3 yang merupakan fasa terakhir dengan kos RM350 juta.

"(Dan) kelulusan RM105 juta oleh Kerajaan Persekutuan baru-baru ini jelas menunjukkan bahawa RTB Sungai Pinang adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengalui-alukan peruntukan tersebut walaupun masih tidak mencukupi.

"Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan tetap memberi kerjasama penuh bagi menyelesaikan masalah banjir yang dihadapi penduduk Pulau Pinang, dan pada masa sama menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas demi kepentingan rakyat," jelas beliau.

Pusat diseru tambah kelulusan peruntukan RTB dipohon KN

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendesak supaya Kerajaan Persekutuan menambah jumlah peruntukan untuk lima Rancangan Tebatan Banjir (RTB) berimpak tinggi yang dipohon Kerajaan Negeri sebelum ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, lima RTB yang dimaksudkan adalah bernilai keseluruhan RM997 juta, namun, kini hanya RM150 juta yang diluluskan untuk RTB Sungai Pinang, walhal projek tersebut sebenarnya bernilai RM350 juta.

"Ini bermakna, hanya RM150 juta diluluskan, yakni 15 peratus daripada segala permohonan Kerajaan Negeri melalui permohonan yang dibuat

bagi Bajet 2017.

"Adalah diharapkan Kerajaan Persekutuan boleh menimbal sumbangan tahunan oleh Pulau Pinang kira-kira RM6.5 bilion hingga RM7 bilion dalam bentuk cukai dan duti eksais kepada Kerajaan Persekutuan," katanya dalam kenyataan bertarikh 11 November lalu di sini.

Guan Eng dalam pada itu turut melampirkan jawapan bertulis di Parlimen oleh Perdana Menteri yang mana beliau menyatakan bahawa dua projek RTB hampir siap, iaitu di Sungai Dua (Seberang Perai Utara) bernilai RM8.6 juta dan projek di Lembangan Sungai Kerian, Seberang Perai Selatan bernilai RM46 juta.

SOALAN NO.:30 DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 8 NOV 2016 (SELASA)
NO.RUJUKAN : DR16

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung kelulusan peruntukan RM997 juta bagi mengatasi masalah perparitan dan banjir di negeri ini. Mengapa projek sambungan seperti Jalan PRamlee dan juga di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Selatan tidak diluluskan. Senaraikan jumlah peruntukan bagi permasalahan sama yang diberikan kepada negeri-negeri lain sejak tahun 2010 hingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua, Permohonan seperti yang dinyatakan oleh YB Bagan berjumlah RM997 juta adalah bagi maksud melaksanakan projek-projek rancangan tebatan banjir (RTB) berikut:

1. RTB Sungai Pinang
2. RTB Sungai Juru
3. RTB Sungai Perai
4. RTB Bayan Lepas
5. RTB Lembangan Sungai Jawi

Dalam Rolling Plan 2 (RP2) RMK11, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menerima sejumlah RM150 juta untuk perlaksanaan kerja-kerja RTB Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Pinang.

Bagi Daerah Seberang Perai Utara, satu projek sedang dilaksanakan di bawah projek sambungan RMKe-10 iaitu RTB Tasek Gelugor yang melibatkan pembinaan rumah pam di Sungai Pengkalan Machang, Sg. Dua, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang bernilai RM8.6 juta. Status pelaksanaan projek adalah 92% siap.

Manakala bagi Daerah Seberang Perai Selatan, satu projek juga sedang dilaksanakan di bawah projek sambungan RMKe-10 iaitu RTB Lembangan Sungai Kerian melibatkan Kerja-kerja Membina Ban dan Struktur di Kg. Tanjung Berembang/Taman Sempadan dan Kg. Teluk Ipal/ Kg. Teluk, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang bernilai RM46 juta. Status pelaksanaan projek adalah 90% siap. Manakala, permohonan projek di Daerah Barat Daya bagi RTB Bayan Lepas dan RTB Balik Pulau masih belum diluluskan.

Sekian, terima kasih.

Projek tebatan banjir Jalan Transfer, Jalan Hutton siap

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menyatakan bahawa pelaksanaan projek tebatan banjir Jalan Transfer dan Jalan Hutton di sini telah siap sepenuhnya pada 18 November lalu.

Beliau berkata, projek dengan peruntukan RM5.86 juta dari Caruman Saliran Negeri Pulau Pinang itu sepatutnya siap pada Mei 2016, namun terpaksa ditangguhkan akibat beberapa masalah antaranya, keadaan air pasang dan pengalihan utiliti.

"Pihak perunding projek dan kontraktor dilantik telah diberikan Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa (EOT) ekoran keadaan Jalan Transfer dan persekitarannya yang mempunyai pelbagai masalah seperti air laut pasang dan utiliti yang perlu dipindahkan melibatkan paip air, kabel elektrik, saluran paip kumbahan dan paip Telekom."

"Ini merupakan satu cabaran kerana melibatkan kerja-kerja pengorekkan," katanya kepada pemberita ketika meninjau keadaan projek tersebut di Jalan Transfer baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali, wakil-wakil Perunding YAA Sdn. Bhd. dan Resdar Engineering Sdn. Bhd. selaku perunding serta kontraktor dilantik.

Difahamkan, komponen projek berkaitan adalah merangkumi kerja-kerja pembinaan jalan, pengalihan utiliti, pembinaan parit pembentung dan perabot jalan serta pemasangan *tidal gate* di sebahagian Jalan Hutton, Jalan Transfer hingga ke kawasan laut berhampiran banglo milik Tan Sri Datuk Loh Boon Siew di Jalan Sultan Ahmad Shah.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, fungsi *tidal gate* berkaitan adalah untuk menahan air laut daripada mengalir masuk dan menceroboh sistem saliran tempatan.

"Tanpanya (*tidal gate*), air laut akan masuk ke saliran tempatan dan bila (sistem saliran tempatan) telah penuh, ia akan melimpah dan menyebabkan berlakunya banjir."

"Oleh itu, diharap dengan pemasangan ia (*tidal gate*) dan kapasiti parit pembentung kepada 20 ARI (Average Recurrence Interval), akan meningkatkan sistem dalaman saliran tempatan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Bercakap pada sidang media sama, Kon Yeow turut berkongsi maklumat tentang senarai projek-projek tebatan banjir, kajian dan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan Tanjung yang dilakukan Kerajaan Negeri melalui peruntukan Caruman Pemaritan Negeri dan MBPP.

"Sememangnya Kerajaan Negeri berusaha menangani masalah banjir dengan menggunakan sumber kewangan yang ada. **Di kawasan Tanjung sahaja, terdapat antara 20 hingga 30 projek dilaksanakan sejak kita (Pakatan) mengambil alih pentadbiran.**

"Sejak tahun 2008 hingga 2015, lebih daripada 15 projek telah dilaksanakan dengan menelan belanja sejumlah RM13,175,682.50 dari Caruman Pemaritan (Negeri).

"Manakala, pihak MBPP sejak tahun 2014 hingga tahun ini (2016), telah membelanjakan sejumlah RM910,506 bagi membiayai lima projek menaiktaraf serta menyelenggara sistem perparitan.

"Tahun hadapan (2017), MBPP turut memperuntukkan sejumlah RM5,520,506 bagi kerja-kerja penarafan," jelas beliau.

Kompleks Pasar Chowrasta, jangka operasi Disember

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Kompleks Pasar Chowrasta yang sedang giat dinaik taraf kini sudah 95 peratus siap dan dijangka beroperasi pada awal Disember 2016.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika ditemui berkata, kemajuan sebenar projek tersebut kini adalah selari dengan garis masa yang ditetapkan.

“Menurut wakil pihak perunding, kemajuan projek adalah bertepatan dengan jangka masa ditetapkan... ianya tidak cepat dan tidak lewat.

“Saya berharap fasa-fasa akhir ini tiada lagi berlaku kelewatan untuk para peniaga memasukkan barang-barang perniagaan mereka secepat mungkin,” katanya ketika mengadakan Lawatan Tapak ke Kompleks Pasar Chowrasta di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Harng.

Tambah Kon Yeow, kelewatan menyiapkan projek naik taraf Kompleks Pasar Chowrasta tersebut akan dikaji semula meliputi aspek perancangan, penganugerahan kontrak, pembayaran dan lain-lain.

“Perkara seperti ini (kelewatan menyiapkan projek awam) menjadi satu kajian berguna kepada Kerajaan Negeri dalam memberi kontrak kepada kontraktor bagi projek-projek pembangunan pada masa depan agar tidak berulang,” ujarnya.

Perjalanan naik taraf Kompleks Pasar Chowrasta bernilai RM12 juta dimulakan pada Februari 2013 dan sepatutnya siap pada Februari 2015. Namun, atas beberapa faktor

yang melibatkan kegagalan kontraktor, projek tersebut mengalami kelewatan sehingga melebihi satu tahun setengah.

Kompleks yang dibina pada 1961 tersebut begitu unik kerana mempunyai tangga elektrik dan kini mempunyai 259 lot kedai di bahagian dalam dan luar (70).

Kata Peniaga:




SHARIFAH Mariam Abd. Syed Abdul Rahman, 59.

“Sekarang bangunan lebih selesa dan cantik, apabila dibuka sepenuhnya, saya berharap lebih ramai pelanggan datang ke kedai jeruk saya.

“Saya turut memuji Kerajaan Negeri sekarang yang lebih prihatin, paling ketara adalah kalau berurusan hendak jumpa lebih mudah dari yang ‘dahulu’,” katanya yang berasal dari Sungai Pinang. **NASIR Badiuzzaman, 55.**

KOMPLEKS Pasar Chowrasta yang sedang giat dinaik taraf. Gambar dirakam pada November 2016.



“Saya bermula buku terpakai di sini sudah 30 tahun, naik taraf besar-besaran seperti ini memang sangat dialu-alukan, cuma buat masa kini perniagaan agak perlahan kerana mungkin ramai masih tidak tahu ada kedai sudah dibuka,” ujarnya yang baru memulakan perniagaan selama lima bulan di unit gerai baru.

MUBARAK Abdul Majid, 51.

“Kerajaan baharu (Pakatan Harapan) ini saya lihat lebih baguslah... Lebih peka kepada peniaga-peniaga seperti kami.

“Cuma, kalau boleh saya harap MBPP dapat ambil alih pembersihan dalam pasar ini, saya kurang berpuas hati dengan mutunya kini,” jelasnya yang telah menjalankan perniagaan turun-



MUBARAK Abdul Majid.

temurun keluarga selama 25 tahun di sini sambil menunjukkan keadaan longkang yang tersumbat.

Pemutihan hotel tanpa lesen dilanjut hingga 31 Oktober 2017

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri memutuskan untuk melanjutkan tempoh program pemutihan hotel tanpa lesen selama setahun berkuatkuasa 1 November 2016 sehingga 31 Oktober 2017.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, tempoh tersebut merupakan lanjutan terakhir dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak akan memperbaharui sebarang permit sementara selepas program pemutihan tersebut tamat.

“Lanjutan masa ini diberikan agar pengusaha boleh mengemukakan permohonan kebenaran merancang (KM) atau pelan bangunan (PB) supaya mendapatkan lesen tetap.

“Oleh itu, pengusaha hotel di dalam senarai pemutihan yang mempunyai permit sementara dibenarkan untuk memperbaharui untuk tempoh setahun lagi,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada sidang media di sini baru-baru ini.

Program pemutihan telah dilaksanakan sejak 2014 terhadap pengusaha hotel yang tidak memiliki

lesen sah dan inisiatif berkaitan merupakan lanjutan tahun ketiga yang diberikan terhadap pihak-pihak berkaitan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menegaskan bahawa pengusaha-pengusaha hotel yang tidak mempunyai permit sementara yang sah laku pada tempoh tersebut (1 November 2016 hingga 31 Oktober 2017) akan berdepan tindakan penguatkuasaan oleh MBPP termasuk perobohan atau tindakan mahkamah mengikut pertimbangan Majlis.

“Pengusaha hotel yang tidak mempunyai permit sementara sepanjang program pemutihan, tidak akan diberikan permit sementara.

“Pengusaha dalam golongan ini (tidak mempunyai permit sementara) perlu mengemukakan KM atau PB dan perlu mematuhi syarat-syarat di dalam Rancangan Tempatan Khas (SAP), Tapak Warisan George Town,” jelasnya.

Bermula 1 November 2014 sehingga 31 Oktober lalu, rekod pemutihan hotel tidak berlesen atau tiada permit di kawasan pentadbiran MBPP masing-masing berjumlah 41 hotel lama dan 13 (hotel baru).

Mass CPR-AED 2017 sasar 8,000 peserta, pecah rekod dunia

SASARAN... Kerajaan Negeri mensasarkan sejumrah 8,000 penyertaan pelajar sekolah pada pengajian Mass CPR-AED 2017, sekaligus bertujuan memecahkan rekod dunia *Guinness World Records*.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, program *Heart-Safe Penang* diwujudkan dengan tujuan untuk melatih semua lapisan masyarakat mengenai teknik-teknik resusitasi kardiopulmonari (CPR) dan penggunaan *Automated External Defibrillator* (AED) dengan betul.

“Dengan teknik latihan CPR dan penggunaan alat AED, inisiatif ini berpotensi untuk menyelamatkan nyawa seseorang yang diserang serangan jantung, iaitu respons pantas diberikan sejurus selepas serangan,” ujarnya pada Majlis Pelancaran Alat AED Bersempena Dengan Program Penang Heart-Safe di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA)



KETUA MENTERI dan Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) memerhatikan Pengurusan Besar (Operasi) MAHB, Mohammad Suhaimi Abdul Mubin (kiri sekali) menempatkan alat AED pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

di sini baru-baru ini.

Pada majlis berkaitan, Kerajaan Negeri melalui komuniti *Penang Heart-Safe* telah menyumbangkan seunit AED kepada Malaysian Airports Holding Berhad (MAHB)

dan menjadikannya antara 10 lokasi *Public Access Defibrillators* (PADs) di negeri ini.

Hadir merasmikan peluncuran majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

KM sanggah Gerakan pertikai PDC jual kepentingannya di Pulau Jerejak

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Sebanyak 51 peratus kepentingan syarikat persekutuan UDA Holdings Berhad (UDA) dalam syarikat Tropical Island Resort Sdn. Bhd. (TIRSB) berbanding 49 peratus saham Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), menyebabkan Kerajaan Negeri hari ini tidak boleh membuat sebarang keputusan pada projek masa depan Pulau Jerejak.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kepentingan PDC dalam syarikat itu terpaksa dijual selepas Kerajaan Negeri berusaha membeli kepentingan terbanyak daripada UDA sendiri.

Kenyataannya itu sekaligus menyanggah pertikaian Pengurus Gerakan Pulau Pinang, Teng Chang Yeow berhubung langkah Kerajaan Negeri menjual kepentingannya dalam TIRSB.

"Gerakan yang menjual kepentingan di Pulau Jerejak, dan dengan 49 peratus kepentingan, PDC tidak boleh membuat apa-apa keputusan.

"Akhirnya, kita (Kerajaan Negeri Pakatan

Harapan hari ini) membuat keputusan, sama ada kita (Kerajaan Negeri) membeli kepentingan (terbanyak) atau jual.

"Apabila kita nak beli, mereka (UDA) tak mahu jual, akhirnya mereka (UDA) beli (49 peratus) daripada kita (PDC)," jelanya kepada wartawan selepas Majlis Pelancaran Badan Peronda Sukarela (BPS) Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.

Guan Eng dalam pada itu turut menzahirkan rasa kesal atas pemberitaan akhbar berbahasa Cina tertentu yang menyiarkan laporan mengelirukan mengenai kenyataan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar yang dikeluarkan sebelum ini.

Rosli melalui kenyataannya bertarikh 11 November lalu menjelaskan bahawa pada tahun 1997, syarikat usahasama TIRSB ditubuhkan membatikan kepentingan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri terdahulu.

Difahamkan, Kerajaan Negeri era Gerakan Barisan Nasional (BN) melalui PDC bersetuju memegang 49 peratus kepentingan sahaja dan 51 peratus saham dimiliki UDA dalam projek

pembangunan 80 ekar tanah di Pulau Jerejak, dengan 60 tahun tempoh pajakan.

Rosli menjelaskan bahawa UDA telah pun menghantar permohonan pelan kebenaran merancang Pulau Jerejak, antaranya cadangan pembinaan 1,200 unit rumah kediaman, hotel bertaraf empat dan lima bintang, taman tema dengan trek berbasikal sepanjang 11.5 kilometer (km) mengelilingi pulau itu serta infrastruktur lain yang menggalakkan perkembangan industri pelancongan negeri.

Malah, ujarnya, Kerajaan Negeri Pakatan telah pun meluluskan permohonan UDA dengan syarat keadaan alam sekitar dipulihara serta mematuhi garis panduan serta kelulusan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Kajian Terperinci Impak Alam (DEIA) daripada Kerajaan Pusat.

Rosli dilaporkan memberitahu bahawa PDC tidak berjaya membeli saham terbanyak daripada UDA dengan taruhan harga kira-kira RM100 juta.

Susulan itu, beliau menyatakan bahawa PDC menjual 49 peratus sahamnya dengan harga RM156 juta kepada Ideal Property Development

Sdn. Bhd. (Ideal Property), dalam tempoh lapan tahun sehingga 2024.

Hasilnya, jelas Rosli, PDC mendapat keuntungan sebanyak RM140.6 juta dalam perjanjian jual beli tersebut, selepas ditolak kos pelaburan dan pinjaman kepada TIRSB.

Mengulas lanjut, Guan Eng menasihatkan supaya Chang Yeow memohon maaf kepada semua kerana langkah pelaburan Kerajaan Negeri era Gerakan BN terdahulu merugikan kepentingan rakyat Pulau Pinang hari ini.

"Saya harap Teng (Chang Yeow) perlu minta maaflah kerana BN dan Gerakan telah mengkhianati hak rakyat Pulau Pinang apabila menjual tanah di Pulau Jerejak dengan murah."

"(Jual tanah) 73 peratus di bawah harga pasaran, ataupun jual tanah rugi RM3.84 juta (serta) labur RM20 juta pun hilang, dan tinggal hanya 49 peratus kepentingan (dalam TIRSB)," responsnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Lancar BPS ke arah P. Pinang negeri paling selamat

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini melancarkan Badan Peronda Sukarela (BPS) langsung di bawah Bendahari Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), demi melaksanakan kepolisan masyarakat.

Ketika berucap, beliau berharap inisiatif tersebut dapat saling bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke arah menjadikan Pulau Pinang negeri paling selamat di Malaysia.

"Kami (warga Pulau Pinang) berterima kasih atas usaha PDRM menjalankan tugasnya memerangi kes-kes jenayah.

"Akan tetapi, suasana yang paling berkesan mengurangkan indeks jenayah adalah kerjasama rapat dengan penduduk setempat, yang hanya boleh dilaksanakan dengan

kepolisan masyarakat.

"Kita bangun semula hari imi...kita (Kerajaan Negeri) harap Pulau Pinang suatu hari nanti muncul sebagai negeri yang paling selamat," ujarnya pada Majlis Pelancaran BPS Bahagian Pulau serentak pelancaran aplikasi tersebut tarian 'BPS.COM.HELP' di sini.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga Pengurus BPS Negeri.

Difahamkan, BPS ditubuhkan selesa operasi kepolisan masyarakat Pasukan Peronda Sukarela (PPS) yang ditubuhkan sebelum ini terpaksa dihentikan kira-kira dua tahun, atas karenah birokrasi pentadbiran Putrajaya.

Lagipun Guan Eng memberitahu, perbicaraan kes Kerajaan Negeri mencabar langkah Kerajaan Pusat mengisyiharkan PPS sebagai pertubuhan haram masih dibicarkan



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan ahli-ahli BPS pada majlis pelancaran peringkat pulau di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN BPS Bahagian Seberang Perai menunjukkan sijil keahlian masing-masing.

di mahkamah.

"BPS yang ditubuhkan hari ini bukan sahaja akan melaksanakan kerja-kerja kepolisan masyarakat bagi mewujudkan suasana paling selamat di Pulau Pinang, dan satu lagi untuk persediaan menghadapi sebarang bencana."

"Saya mohon keseluruhan 607 ahli berdaftar dalam BPS di seluruh negeri ini supaya mematuhi 'standing operating procedure' (SOP) seperti yang diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dinasihat oleh Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri, bagi mengelak perkara yang tidak diingini daripada berlaku," ujarnya.

Menurut Guan Eng, pihaknya turut memaklumkan perkara penubuhan BPS berkaitan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri serta Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Mohd. Rashid dalam ucapannya meminta semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) supaya membantu JKKK melengkapkan bilangan anggota di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) masing-masing.

Manakala, Boon Poh pula melahirkan penghargaan kepada bekas Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi kerana menzahirkan ucapan terima kasih atas partisipasi anggota PPS membuat persiapan menghadapi kemungkinan bencana 'Tsunami' sebelum ini.

Turut dirasmikan sehari kemudian (13 November 2016) adalah BPS Bahagian Seberang Perai.

Revolusi Industri 4.0, P. Pinang perlu kuasai pengetahuan agar tidak ketinggalan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

BAYAN LEPAS – Sektor perindustrian negeri digesa supaya meningkatkan inisiatif dengan memanfaatkan setiap perubahan yang berlaku dalam landskap industri sejagat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang ditemui pada *IEEE International Microwave, Electron Devices, Solid-state Circuits Symposium (IMESS) 2016* baru-baru ini berkata, dalam kerancakan negeri menyesuaikan diri dengan Revolusi Industri 4.0, Pulau Pinang perlu berupaya menguasai pengetahuan baharu agar tidak ketinggalan.

“Dalam memastikan Pulau Pinang terus berdaya saing dalam arus revolusi ini, adalah penting untuk membuat persediaan dan memanfaatkan setiap perubahan seawal mungkin.

“Revolusi yang sedang berlaku secara pantas ini akan menyaksikan kepelbagaiannya (dalam pelbagai aspek) dan apabila tiba masanya, ekosistem perindustrian Pulau Pinang akan terus kekal berdaya saing.

“Malah, kita akan dapat menyaksikan



KETUA Menteri tertarik dengan demonstrasi menangkap *Pokemon* menggunakan alat pengesan *Spectrum Analyzer* yang didemonstrasikan oleh juruteknik syarikat kejuruteraan berpengkalan di Munich, Rohde & Schwarz pada penganjuran IMESS 2016 di sini baru-baru ini.

perindustrian kecil dan sederhana (PKS) perubahan.

“Oleh itu, dalam membentuk landskap perindustrian negeri, Pulau Pinang akan terus mencari gabungan terbaik bagi

membolehkan integrasi serantau dan pembukaan pasaran dengan menumpukan beberapa sektor utama negeri seperti pembuatan, perkhidmatan dan awam,” ucapnya di hadapan 210 pemain industri dari pelbagai bidang pada penganjuran simposium berkaitan di sini.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Skill Development Centre (PSDC), Muhamed Ali Hajah dan Pengerusi IEEE ED/MTT/SSC Pulau Pinang (*Joint Chapter*), Dr. Wong Peng Wen.

Bertemakan ‘*An Avenue to Explore IoT and 5G*’, simposium tersebut menjadi platform unggul bagi jurutera, pemain industri dan ahli perniagaan dalam mengembangkan potensi saiz perindustrian dan pada masa sama melaarkan industri berlandaskan trend terkini, Revolusi Industri 4.0.

Revolusi Industri 4.0 bukan sahaja mengubah trend perniagaan seluruh dunia, malah turut membawa pertumbuhan teknologi, penganalisa data besar (BDA), internet untuk segalanya (IoT), e-perniagaan dan perkomputeran berdasarkan internet (*cloud computing*).

SPECTRUM RESIDENCE KONDOMINIUM



HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

Jumlah Unit : 144
Keluasan Binaan : 1217sqft - 1282sqft
Harga Jualan : RM 378,000 (min)
RM 445,000 (mak)

Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:
Bahagian Perumahan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505 242 / 04-6505 244 Fax: 04-2622 904

PELAN LOKASI



SUNSHINE SPECTRUM SDN. BHD. (1023758-T)
No. 86, 2nd Floor, Lorong Kota Permai 11, Taman Kota Permai
14000 Bukit Mertajam, Penang • Tel: 04 - 538 3388

- No. lesen: 13676-01/09-2017/02551(L) • Tempoh sah: 10/09/2016 - 09/09/2017
- No. Permit: 13676-01/09-2017/02551(P) • Tempoh sah: 10/09/2016 - 09/09/2017
- Pegangan tanah: Hakmilik kekal • Bebanan tanah: OCBC • Tarikh jangka siap: Feb 2018
- Bilangan unit: 144 unit rumah pangapuri 17 tingkat • Baki Unit belum dijual: 43 unit
- Harga minima & maksima: RM 378,000.00 (min) RM 445,000.00(mak)
- Sekatan Kepentingan: Tiada • Pihak yang meluluskan: MPSP • No kelulusan pelan bangunan: MPSP/40/20-44/106

Salihah johan Pertandingan Halaman Rumah Tercantik Pulau Aman

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PERTANDINGAN Halaman Rumah Tercantik yang berlangsung dalam tempoh tiga bulan sebelum ini akhirnya tiba ke penghujung.

Pada majlis penyampaian hadiah yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Pulau Aman pada 11 November lalu menobatkan Salihah Itam sebagai johan pertandingan. Hadiah naib johan dimenangi oleh Sarimah Rashid dan ketiga, Sa'diah Ismail.

Kemenangan tersebut membolehkan Salihah membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM1,000 berserta sijil penghargaan, naib johan (RM500, sijil penghargaan) dan ketiga (RM300, sijil penghargaan).

Menyempurnakan majlis tersebut ialah Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), M. Satees.

Turut hadir, Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Thing Siew Shuen serta juru-juri pertandingan, Hashim Chik dari Jabatan Perhutanan Negeri, Khairul Zambri Md. Saad (Jabatan Botani) dan Yap Lee Ying (Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri).

Selaku pengajur, Siew Shuen dalam ucapannya menyatakan bahawa pertandingan tersebut merupakan kesinambungan Sambutan Hari Alam Sekitar Pulau Aman yang diadakan pada 12 Disember 2015.

"Pertandingan ini dinilai berdasarkan empat aspek utama

iaitu kebersihan dan kesihatan, keceriaan dan keindahan, inovatif dan kreativiti serta penjagaan berterusan.

"Pemilihan Pulau Aman sebagai lokasi perintis pertandingan ini umumnya adalah bagi menangkis tanggapan orang ramai berhubung aspek kebersihan pulau ini, malah pada masa sama juga bertujuan mempromosikan prospek pelancongan di sini.

"Pada tahun depan, pertandingan serupa dicadangkan diadakan di kawasan kampung-kampung yang secara tidak langsung mampu menyuntik kesedaran umum terhadap penjagaan alam sekitar," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Tercantik di sini.

Bagi Satees, lawatan beliau pada tempoh hari selepas dua

tahun melahirkan gambaran positif berhubung tahap kebersihan Pulau Aman.

"Secara jujur, saya nampak Pulau Aman kini amat bersih. Gambaran pertama ketika memasuki (sampai) ke Pulau (Aman) adalah amat penting dan saya nampak perubahannya.

"Dengan kejayaan penganjuran kali ini, saya berharap akan terdapat program-program lain dianjurkan di sini (Pulau Aman) tahun depan.

"Malah, MPSP juga sedang membuat kajian berhubung inisiatif untuk memperkasakan golongan wanita di Pulau (Aman) ini, ia bagaimanapun masih di tahap cadangan," jelas beliau.

Barisan pemenang hadiah saguhati ialah Mahani Abdul, Rosni Mohammed Hassan, Zulkifly Ayob dan Siti Zawani



SALIHAH Itam sambil menunjukkan sijil penghargaan dimenangi bergambar kenangan di hadapan kediamannya.

serta hujan.

"Selain pokok-pokok bunga, saya juga menanam pokok-pokok sayur, herba dan buah seperti serai, betik sebagai alternatif tambahan selain mengitar semula tong-tong ikan untuk dijadikan pasu," ujarnya yang berasal dari Pulau Aman.

Bagi **SARIMAH** yang berasal dari Kampung Padang Lalang, Simpang Empat, Seberang Perai Selatan, walaupun diumumkan pemenang naib johan, beliau turut gembira dan bertekad untuk menyertai pertandingan serupa pada masa depan.

"Masuk bertanding bukan hanya nak dapat hadiah, sebaliknya aspek serta tahap kebersihan yang perlu diutamakan.

"Yang penting jaga kebersihan, bila halaman rumah nampak bersih, hati pun seronok," jelasnya yang turut mengambil inisiatif mewujudkan 'taman poket' di halaman belakang kediaman beliau.



HALAMAN
rumah Sarimah Rashid.



DR. Afif Bahardin (dua dari kanan) menyerahkan Pensijilan MyIPO kepada **Azahar Ibrahim** (dua dari kiri) sambil diiringi **Shahbani Ismail** (kanan sekali) dan **Nor Wahida Hassan** selepas Sidang Media GI Durian Balik Pulau di sini baru-baru ini.

10 pengusaha durian Balik Pulau bakal terima pensijilan MyIPO

PAYA TERUBONG – Seramai 10 pengusaha durian Balik Pulau bakal menerima Pensijilan MyIPO (Harta Intelek) sebagai usaha mengukuhkan pasaran produk identiti Pulau Pinang - Durian Balik Pulau di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Perkara tersebut diumumkan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada majlis sidang media mengenai Petunjuk Geografi (GI) Durian Balik Pulau di Pusat Agropelancongan Relau, di sini baru-baru ini.

Afif berkata, menyedari potensi pasaran durian Balik Pulau, pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi meningkatkan produktiviti

dan kualiti produk premium tersebut.

"Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dengan kerjasama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah mendaftar durian Balik Pulau sebagai Petunjuk Geografi (GI) bagi membantu aspek pemasaran Raja Buah ini," ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Hadir sama, Pengarah JPNPP, Azahar Ibrahim, Shahbani Ismail (Timbalan Pengarah JPNPP) dan Nor Wahida Hassan (Pegawai Pertanian Daerah Barat Daya & Timur Laut).

Terdapat tujuh variasi GI durian Balik Pulau yang dikenalpasti iaitu klon 600, klon D11, klon D15,

D166 (Balik Pulau 604), D163 (Horlor), D164 (Ang Bak) dan D175 (Udang Merah).

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, GI merupakan pendekatan bagi memastikan keaslian kualiti dan reputasi durian Balik Pulau sebagai produk pertanian premium tidak terjejas.

"Pendaftaran Petunjuk Geografi (GI) durian Balik Pulau ini disokong dengan pensijilan MyGAP (*Malaysia Good Agriculture Practice*) yang mengiktiraf ladang-ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB).

"Hanya pengusaha yang telah memiliki pensijilan MyGAP layak diberikan pensijilan MyIPO," jelasnya.

KM puji kolaborasi MPSP, ThinkCity bangunkan Taman Poket Lebuh Benggali

BAGAN DALAM – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memuji kolaborasi Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam melaksanakan kerja-kerja pengindahan serta menaik taraf kemudahan awam projek Taman Poket Lebuh Benggali.

Menurut beliau, projek tersebut merupakan salah satu cadangan di bawah garis panduan Pelan Butterworth Baharu yang akan memungkin pertumbuhan masa depan bandar Butterworth.

"Projek ini akan mewujudkan sebuah bandar berdaya huni dan sudah tentu ia mesti hijau."

"Itulah cadangan menaik taraf taman rekreasi ini, (diharap) dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup (penduduk)," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Naik Taraf Taman Poket Lebuh Benggali Butterworth di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Thanasekharan dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif. Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud.

Sebelum itu, Maimunah memberitahu,



KETUA MENTERI, MAIMUNAH MOHD. SHARIF (BERTUDUNG MERAH), WAKIL-WAKIL DARI THINKCITY DAN PARA PENDUDUK DI MAJLIS PECAH TANAH PROJEK NAIK TARAF TAMAN POKET LEBUH BENGGALI BUTTERWORTH DI SINI BARU-BARU INI.

MPSP menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan ThinkCity selama lima tahun untuk merealisasikan Pelan Butterworth Baharu.

Di bawah pelan ini, menurutnya, terdapat cadangan projek naik taraf parkir Jalan Jeti Lama menjadi rain garden, kerja-kerja naik taraf kolam renang dan gelanggang

permainan Kampung Benggali.

"Kos keseluruhan RM200,000 dengan elemen projek naik taraf taman poket (Lebuh Benggali) ini seperti feature swing, parcouse equipment, park bench, feature play mount serta kemudahan Braille map untuk orang kurang upaya (OKU) penglihatan."

"Selepas siap, saya minta para pengunjung taman poket ini supaya menghargai semua kemudahan yang diberikan, jagalah kemudahan agar lebih baik, jangan ada vandalism," seru beliau.

Maimunah memberitahu, kerja-kerja penarafan Taman Poket Lebuh Benggali adalah di atas tanah milik Kerajaan Negeri seluas 1,095 kaki persegi dalam tempoh bulan November 2016 hingga Januari tahun depan, sebelum diserahkan sepenuhnya kepada MPSP Februari 2017.

"Sehingga kini, MPSP mempunyai 1,776 lokasi tanah lapang di Seberang Perai, iaitu taman poket sekitar kawasan kediaman penduduk."

"Direkodkan, MPSP telah membelanjakan RM1.604 juta untuk projek penarafan enam kawasan tanah lapang."

"Itu, tidak termasuk projek menaik taraf sembilan kawasan tanah lapang lain membabitkan pihak swasta, di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan nilai kos RM4.437 juta."

"Selain itu, MPSP juga menyelenggara 12 daripada 16 taman rekreasi, seperti Hutan Cherok Tok Kun dan sebagainya demi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan warga penduduk Seberang Perai," jelasnya.

TAMAN BERTAM FLORA Kepala Batas



HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

RUMAH TERES 2 TINGKAT

Jumlah Unit : 78 Unit

Keluasan Binaan : 146.4mps

Keluasan Tanah : 119mps - 319mps

Harga Jualan : RM 419,000 (min)
RM 599,000 (mak)



Anjur festival makanan halal China jika MAHTAF 2016 berjaya - Rashid

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PANTAI JEREJAK – Purata nilai jualan pada penganjuran Malaysia Thailand Halal Food Festival 2016 (MAHTAF 2016) sejak 23 Oktober lalu di tanah lapang dekat pusat membeli-belah Queensbay Mall di sini adalah lebih RM100,000 sehari.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, pihaknya sedia mempertimbang untuk menganjurkan festival makanan halal dari China di negeri ini kelak, jika nilai jualan MAHTAF 2016 yang berlangsung selama 10 hari tersebut keseluruhannya mampu mencecah RM1.5 juta.

"MAHTAF 2016 dianjurkan untuk merangsang kuasa membeli dan kuasa produktiviti usahawan.

"Jika nilai jualan boleh mencecah RM1.5 juta dalam tempoh 10 hari penganjuran MAHTAF 2016 ini, kita (MMK



MOHD. Rashid Hasnon (depan, dua dari kanan) meneliti salah seorang penggerai membungkus nasi beriani pada penganjuran MAHTAF 2016 di sini baru-baru ini.

Pembangunan Keusahawanan Kerajaan Negeri) sedia mempertimbang untuk anjur festival makanan halal China pula," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak pada Majlis Pelancaran MAHTAF 2016 di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid memberitahu, pihaknya dalam MAHTAF 2016 menyediakan tanah lapang serta menyerap kos permit penganjuran festival sahaja, yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM40,000.

Menurut beliau, MAHTAF 2016 adalah anjuran bersama MMK Pembangunan Keusahawanan, Pejabat Timbalan Ketua Menteri I, Pusat Khidmat Rakyat ADUN Pantai Jerejak serta Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan syarikat acara Project Malaya.

Siri sulung MAHTAF 2016 tersebut terdiri oleh 80 gerai pameran yang mana meliputi 30 gerai pameran produk kering, manakala gerai makanan (50).

TAMAN PANTAI INDAH PENANG

ASTER | 3 STOREY LINK HOUSE
PANTAI JERJAK

Land Area
22' x 90'

Built-Up Area
4100 sq. ft.

5% discount for Bumiputra

Showhouse open every Sat & Sun : 10am - 6pm

DEVELOPER:



Island View Sdn. Berhad (17923-K)

(A member of Chong Company Group of Companies)

54, Jalan Dato Keramat, 10150 Penang.

(E) : marketing@chongcompany.com.my (W) : www.chongcompany.com

04 - 226 6801 / 012 - 429 6801 / 010 - 527 0177

• Developer's Licence No. : 1569-1/02-2017/01071(L) • Validity Period : 04-02-2016 - 03-02-2017 • Advertising & Sales Permit : 1569-1/02-2017/01071(P) • Validity Period : 04-02-2016 - 03-02-2017 • Approving Authority : Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Building Plan Number : 45012(LB), MPPP/OSCP/B(3047)/10(LB) & MPPP/OSCP/B(8370)/16(LB) • Tenure Of Land : Freehold • Expected Date of Completion : December 2016 • 3 Storey Link House • Total Unit : 14 units • 5% discount for Bumiputra • Selling Price : RM1,998,000.00 (min.) - RM2,688,000.00 (max.) • Land Encumbrances : - All art rendering and pictures contained in this press advertisement are artist's impressions only. The information contained herein is subject to change without notification as may be required by the relevant authorities or developer's architect and cannot be part of an offer or contract. While every care is taken in providing this information, the developer cannot be held responsible for any inaccuracies • All information is correct at the time of printing.

Kadar buang sampah per kapita penduduk Seberang Perai berkurang - YDP

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SUNGAI PUYU — Kadar pembuangan sampah per kapita penduduk Seberang Perai pada 2008 seberat 1.6 kilogram (kg) seorang tiap-tiap hari (1.6kg/orang/hari), berjaya dikurangkan menjadi 1.3kg/orang/hari pada tahun 2015.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata demikian pada Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2016/2017.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu menyempurnakan majlis perasmian tahun keempat tersebut.

"Tujuan anugerah ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemapanan komuniti."

"Jumlah 40 markah yang diperuntukan untuk kriteria amalan



PHEE Boon Poh, Maimunah Mohd. Sharif (bertudung ungu) dan Lim Hock Seng bergambar kenangan dengan ahli jawatankuasa penganjur dan para penduduk pada Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2016/2017 di sini baru-baru ini.

sisa sifar merupakan yang tertinggi, berbanding 20 markah untuk tiga kriteria pemarkahan lain (iaitu) perancangan dan pengurusan, kebersihan dan kehijauan serta penglibatan komuniti," katanya di Pusat Sumber Alam Sekitar Taman

Bagan Lalang di sini baru-baru ini.

Selain Boon Poh, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng yang juga ADUN Bagan Jermal dan Datuk Lee Tiong Lee (Pengurus Amphenol TCS Bukit Minyak merangkap Pengerusi Kelab

Lion Bayan Baru) turut berucap pada majlis tersebut.

Tambah Maimunah, penganjuran kali pertama Anugerah Komuniti Mampan 2013 menerima penyertaan daripada lapan komuniti sahaja, bertambah 15 komuniti (2014) dan

18 komuniti (2015).

"MPSP berharap penganjuran kali keempat ini mendapat lebih sambutan daripada 30 komuniti, kalau lebih lagi elok," ujarnya.

Selain itu, Maimunah memberitahu, MPSP melalui Dasar Pengasingan Sisa Di Punca berharap, kadar kitar semula di Seberang Perai dapat ditingkatkan mencecah 50 peratus menjelang tahun 2020.

Direkodkan, berat bahan kitar semula yang berjaya dikumpulkan oleh MPSP dalam tempoh 1 Jun hingga 22 Oktober lalu adalah sebanyak 166.9 tan.

Malah, tambah beliau, berat sampah dari Seberang Perai ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dalam tempoh bulan Januari hingga September lalu menunjukkan penurunan sebanyak 8,304.78 tan berbanding tempoh sama pada tahun 2015.

"Jumlah sampah yang dikutip bagi Januari hingga September 2015 adalah sebanyak 323,183.6 tan, manakala, bagi Januari hingga September 2016 adalah 314,878.82 tan," jelasnya.



RUMAH TERES 1-TINGKAT

Jumlah Unit : 65
Keluasan Tanah : 1260 kps (min) - 2777 kps (mak)
Keluasan Binaan : 860 kps (min) & 984 kps (mak)
Harga Jualan : RM 265,000.00 (min)
RM 385,181.00 ((mak))

HAKMILIK KEKAL 5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA



RUMAH TERES 2-TINGKAT

Jumlah Unit : 26
Keluasan Tanah : 1260 kps (min) - 2616 kps (mak)
Keluasan Binaan : 1848 kps (min) & 1934 kps (min)
Harga Jualan : RM 388,000.00 (min)
RM 482,868.00 ((mak))

LOKASI YANG STRATEGIK

- 5 minit perjalanan ke sekolah rendah dan sekolah menengah
- 8 minit perjalanan ke pasar raya
- 9 km memandu ke Kepala Batas / Lebuhraya Utara Selatan
- 11 km memandu ke Bagan Ajam dan Butterworth

PELAN LOKASI



SP MAJUJAYA SDN. BHD. (945917-P)

No. 1, Lorong Penaga, Off Jalan Haji Hashim, 13100 Penaga, Pulau Pinang
Tel: 04 - 351 1333/2333 • 010-800 8003 • Faks: 04-351 3331
Email: spmajujaya@hotmail.com

No Lesen Pemaju: 13672-1/09-2017/02521(L) • Tempoh sah: 06/09/2016 hingga 05/09/2017
No Permit Iklan dan Jualan: 13672-1/09-2017/02521 (P) • Tempoh sah 06/09/2016 hingga 05/09/2017
Tarikh Dijangka Siap: April 2017 • No. Pelan Susun Atur: MPSP/4/20-04/13
Pihak Berkusa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPSP

Ucapan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 (Bahagian 1) Apabila pemuda hilang kepercayaan

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Ahli Parlimen Bukit
Bendera merangkap
Pengarah Eksekutif
Penang Institute

Tuan yang dipertua,

SAYA bermula dengan kisah seorang pemuda yang mengakhiri kehidupannya dengan cara yang paling salah menurut agamanya, iaitu dengan membunuh dirinya sendiri. Pemuda ini dikecam kerana melakukan dosa besar, dia dituduh tidak kuat iman untuk berhadapan dengan dugaan hidup, dan dia dinista konomnya mengambil jalan mudah tanpa memikirkan nasib keluarga yang ditinggalkan. Tetapi berapa ramai daripada kita sanggup bertanya apakah kegagalan kita, sebagai manusia dan saudara seagama, sehingga dia terpaksa melakukan tindakannya itu?

Sedari awal lagi, pemuda ini tidak hidup senang. Dia seorang anak yatim, bersama dengan lima adik-beradik lain. Dia tidak berpeluang belajar tinggi malah terpaksa berhenti sekolah dan bekerja demi menampung keluarganya. Pada usia 26 tahun, dia menjual buah-buahan di pekannya, namun seringkali dimangsakan oleh pihak berkuasa tempatan kerana tidak memiliki permit menjaja. Ada kalanya alat perkakasnya dirampas, dan ada kalanya dia dipaksa membayar denda kerana tidak mampu membayar suapan. Malah ada sekali dia ditampar oleh pegawai penguatkuasa bagi orang yang terhina.

Akhirnya, si pemuda yang mengalami kesempitan hidup ini bertekad tidak sanggup lagi dihina lantas bertindak membakar dirinya di hadapan bangunan kerajaan kerana tidak ada cara lain untuk menyampaikan rintihannya kepada si pengusa. Pada hari tersebut, nyawa pemuda ini telah tamat, namun riwayatnya telah menghidupkan hati nurani puluhan juta insan lain.

Ya, kita semua tahu, ini kisah pemuda yang bernama Mohamed Bouazizi dari Sidi Bouzid, Tunisia. Dia tidak berpelajaran tinggi dan tidak pernah mencapai kejayaan dalam apa-apa bidang, malah mungkin tidak mampu mengimpikan lebih daripada kehidupan kais pagi makan pagi. Namun dia akan selama-lamanya dikenang dunia kerana kematiannya pada tahun 2010 telah mencetus gelombang Arab Spring di serata bumi Arab dan membawa kepada kejatuhan pemerintahan berpanjangan rejim kuku besi di Tunisia, Libya dan Mesir.

Tuan yang dipertua,

Baru-baru ini pula kita digemparkan dengan tindakan seorang pemuda di negara kita, Mohd Shukri Saad yang berasal dari Lahar Yooi, Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Pemuda yang dikenali sebagai Shukri Lahar Yooi ini mengejutkan negara apabila memilih untuk mengakhiri hidupnya dengan terjun daripada Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, lalu meninggalkan isteri dan anak-anak. Menurut nota bunuh diri yang ditinggalkan di akaun Facebook miliknya, dia bertindak sedemikian kerana berasa amat tertekan dengan beban-beban kehidupannya, khususnya siri tindakan undang-undang yang dikenakan kepada ‘orang kecil’ seperti dirinya. Meskipun dia mengaku bersalah kerana menjual rokok seludup, namun dia berpendapat hukuman yang bakal dihadapinya adalah keterlaluan, lagi-lagilah apabila, dalam ayatnya sendiri, mereka yang ‘tiba berjuta-juta’ boleh pula lepas. Dalam erti kata lain, Mohd Shukri tidak melihat bahawa undang-undang dapat ditegakkan dengan adil, seperti mana saya petik di sini:

“Aku amat tertekan dengan kerajaan yang zalim, kerana kes rokok yang nilai rampasannya hanya RM160 aku akan dipenjarakan. Ini kesalahan pertama aku pada tahun 2012, baru sekarang naik makamah. Bulan lapan yang lepas aku dah kena kes yang sama iaitu jual rokok murah yang nilainya RM200. Hampir direman seminggu dan mujurlah ada surat kematian anakku yang ketiga. Aku dikenakan jaminan RM3,000. Kena bulan dua naik court, bulan lapan... dihukum RM4,000 atau empat bulan penjara. Aku settle RM4,000 dan duit pun jenoh hutang kawan. Ya, aku mengaku salah. Perkara itu salah tetapi hukumannya tak setimpal. Yang pengarah tiba berjuta boleh lepas pula dengan duit jaminan. Celaka punya pimpinan kerajaan sekarang... berniaga kedai runcit kampung sahaja bukan untung besar pun. Margin cukup nipis dibebani dengan cukai GST lagi. Memang kerajaan

sekarang zalim.

Dengan ini aku memilih untuk berkorban sebagai rakyat yang dizalimi.... Biarlah aku berkorban demi rakyat Malaysia walau aku nanti akan dikecam dan dihina.”

Tuan yang dipertua,

Dewan yang kita mahu anggap mulia ini adalah medan di mana undang-undang digubal bagi memastikan kesejahteraan rakyat. Apabila ada rakyat yang memilih jalan bunuh diri, soal hilang kepercayaannya terhadap agama, putus cinta atau tekanan keluarga memang bukan urusan langsung dewan ini. Akan tetapi, apabila dia membunuh dirinya kerana hilang kepercayaan terhadap fungsi dewan ini dan institusi negara ini untuk menjaminkan keadilan buat dirinya, maka jelas ia menjadi urusan paling mendasar kepada dewan ini.

Setiap undang-undang yang diluluskan oleh dewan ini mendapat legitimasi melalui prosedur rasminya, yakni dari bacaan kali pertama sehingga ke pewartaan. Namun, kepatuhan terhadap undang-undang bukan sekadar datang daripada legitimasi secara prosedur (procedural), tetapi harus juga mendapat legitimasi moral daripada setiap rakyat yang percaya bahawa kepentingan mereka, baik sebagai masyarakat atau sebagai individu, diwakili dan dipelihara dalam setiap undang-undang yang diluluskan.

Tanpa legitimasi moral ini, undang-undang tidak akan dilihat adil di mata orang ramai dan kepatuhan terhadap undang-undang ini tidak akan datang secara sukarela tetapi hanya secara paksaan. Tambah mengkhilafkan lagi apabila undang-undang itu dikuatkuasakan secara terpilih dan hanya memangsakan orang kebanyakan.

Demikianlah dalam kes Mohd Shukri yang melihat undang-undang hanya ditegakkan terhadap orang kecil seperti dirinya. Dalam hal ini, kita perlu persoalkan sama ada ketegasan yang tidak berbeza telah ditunjukkan di sempadan-sempadan negara kita di mana berjuta-juta kotak rokok melepas dengan mudah sehingga membanjiri pasaran dalam negara. Kita juga perlu persoalkan sama ada sistem dan institusi keadilan memiliki keberanian yang sama untuk mendakwa kes-kes yang berprofil tinggi dan membabitkan kemungkinan yang jauh lebih besar dan membinasakan.

Hanya ada satu jalan untuk menyelamatkan lebih ramai orang seperti Mohd Shukri, iaitu dengan mengembalikan keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang bagi memastikan setiap orang yang melakukan kesalahan akan mendapat pengadilan yang sama – equality before the law – seperti mana yang termaktub dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Peruncit-peruncit kecil yang menjual rokok seludup memang membawa kerugian dalam bentuk cukai kepada negara. Namun, hasil negara kita lebih banyak tiris bukan disebabkan oleh orang seperti Mohd Shukri tetapi kerana rasuah, penyelewengan dan salah urus yang kian berleluasa. Apakah kita hanya mampu bertindak terhadap Shukri Lahar Yooi tetapi tidak kepada individu lain?

Kematian Mohamed Bouazizi di Tunisia telah membuka mata dan hati jutaan rakyat yang tertindas. Ada yang mungkin tidak setuju dengan kaedah yang dipilihnya, tetapi semua pasti lebih tidak setuju dengan penganiayaan terhadap orang kecil yang dicerminkan dalam peristiwa tersebut. Saya percaya tiada sesiapa di sini yang mau pengalaman yang sama berlaku di negara kita sehingga membawa kepada kudeta yang akhirnya menghancurkan fabrik sosio-politik masyarakat kita. Sebaliknya, apa-apa perubahan politik sewajarnya dilaksanakan melalui jalan demokrasi yang sah.

Oleh itu, sebagai rakyat Mohamed Bouazizi dari Sidi Bouzid membawa kesedaran kepada dunia Arab tentang ketidakadilan dan penindasan yang berlaku di bawah rejim kuku besi, biarlah pengorbanan Mohd Shukri dari Lahar Yooi menjadi ikhtiar kepada setiap seorang daripada kita ahli dewan yang mulia ini, lagi-lagilah yang memegang amanah jawatan pentadbiran.


Saya yakin kita semua tidak mahu melihat seorang lagi pemuda mencabut nyawanya sendiri kerana kekecewaannya terhadap kegagalan negara untuk menjamin peluang kehidupan dan pelaksanaan undang-undang yang adil dan saksama. Dengan demikian, saya memohon agar kita menginsafi kegagalan kita untuk menjaga dan menegakkan amanah yang diberikan dan marilah kita sedekahkan bacaan umum kitab, Al-Fatihah dan bertaafakur atas pemergian Mohd Shukri – semoga Tuhan mengampuni dosa kita semua.



SHOREFRONT
PENANG



Kondominium mewah di pinggiran laut bandaraya George Town



- 5% diskaun untuk Bumiputera
- Unit Bumiputera Terhad
- Pegangan Bebas
- Saiz dari 1,400 kaki persegi

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

03-2143 3000

www.shorefront.com.my

Developer: Shorefront Development Sdn Bhd (363936-X) 10th Floor, Yeoh Tiong Lay Plaza, 55, Jalan Bintang 55100 Kuala Lumpur • Tel: 03-2143 3000 • Fax: 03-4041 7655 • Email: contact@yilland.com • Website: www.shorefront.com.my • Tenure of Land: Freehold • Type of Property: Condominium • Expected Date of Completion: June 2018 • Total no. of units: 115 • Selling Price: RM1,780,920 (min) - RM9,946,160 (max) • Developer's License: 11724-1/07-2017/02195(L) Validity Period : 13/7/2016 - 12/7/2017 • Advertisement and Sale Permit : 11724-1/07-2017/02195(P) Validity Period: 13/7/2016 - 12/7/2017 • Approved Building Plan No.: MPPP/OSC/PB/7390/14-SRT/0181 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Pulau Pinang • Land Encumbrance: NIL. The information contained herein is subject to change without notification as may be required by the relevant authorities or the developer's architect and cannot form a part of an offer or contract. Whilst every care has been taken in providing this information, the proprietor, developer and its employees cannot be held liable for variations. All illustrations and pictures are artist impressions only. The items are subject to variations, modifications and substitutions as may be recommended by the developer's architect and/or relevant approving authorities.



Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Hajji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Cassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharian a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapee adunan.dunsbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeooh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlala.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungainang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskin
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Dahalan Fazil dalan6558@gmail.com	019 - 727 4388
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolpkb@gmail.com	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar mudiram@gmail.com	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan rosli1971@yahoo.com	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad mustafakalmalmba@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadilan@gmail.com	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail mtuah17@gmail.com	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
HOTLINE MBPP	04-263 7637 04-263 7000		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
KASTAM	04-262 2300	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
IMIGRESEN	04-250 3419	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	JAMBATAN PP	04-398 7419
Putus Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
EPF	04-226 1000	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
SOC SO	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
		PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/
PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS**

N1	Penaga	: 010 - 542 9158	- Mohd. Zaki Ismail	N22	Tanjong Bungah	: 012 - 465 0021	- Tina
N2	Bertam	: 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	N23	Air Putih	: 011 - 12441069	- Hezreen
N3	Pinang Tunggal	: 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin	N24	Kebun Bunga	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4	Pematang Berangan	: 019 - 556 4664	- R. M Reza	N25	Pulau Tikus	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5	Sungai Dua	: 013 - 417 3068	- Siti Zunnurain Zulkafli	N26	Padang Kota	: 017 - 956 3237	- Quah
N6	Telok Air Tawar	: 012 - 475 4326	- Mohd. Zamri	N27	Pengkalan Kota	: 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N7	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N28	KOMTAR	: 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N8	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29	Datok Keramat	: 012 - 423 3227	- Benji Ang
N9	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	N30	Sungai Pinang	: 010 - 811 7300	- Razin
N10	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31	Batu Lancang	: 04 - 226 2464	- Kalvinder
N11	Permatang Pasir	: 019 - 412 8442	- Kamal	N32	Seri Delima	: 019 - 282 6630	- Shuen
N12	Penanti	: 013 - 595 6865	- Rosli	N33	Air Itam	: 019 - 282 6419	- Karuna
N13	Berapit	: 04 - 538 2871	- Tira	N34	Paya Terubong	: 012 - 4474362	Mahen
N14	Machang Bubuk	: 04 - 538 3871	- Mr.Lim			: 012 - 5242549	James
N15	Padang Lalang	: 016 - 401 3507	- Yeoh Ee Yee	N35	Batu Uban	: 012 - 4730736	- Anne
N16	Perai	: 017 - 446 1817	- Andrew Chin			: 016 - 4940705	- Janet
N17	Bukit Tengah	: 012 - 474 0964	- Ikhwan	N36	Pantai Jerejak	: 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N18	Bukit Tambun:	: 012 - 473 0964	- Chan			: 016 - 205 1185	- Frankie Kee
N19	Jawi	: 017 - 552 8928	- Lai	N37	Batu Maung	: 016 - 480 0232	- Jalal
N20	Sungai Bakap	: 014 - 945 9786	- Selvi	N38	Bayan Lepas	: 016 - 487 8602	- Khairul
N21	Sungai Acheh	: 013 - 518 8735	- Lim Tuan Chun	N39	Pulau Betong	: 016 - 444 3550	- Sathyra
		: 016 - 404 9120	- G.Dumany	N40	Telok Bahang	: 04 - 646 4700	- Aliff / Shamsudin
		: 017 - 378 4448	- Khor			: 019 - 498 1096	- Amirulzaman
		: 017 - 408 4784	- Abdul Halim	N37	Batu Maung	: 016 - 428 6158	- Danny Ho
		: 012 - 456 5018	- Mr. Khor	N38	Bayan Lepas	: 010 - 773 2395	- Firdaus
		: 019 - 552 8689	- Norjuliana	N39	Pulau Betong	: 012 - 464 3004	- Aidi Akhbal
		: 012 - 542 4454	- Hasbullah	N40	Telok Bahang	: 017 - 413 5695	- Johan Abu Bakar
		: 01111-508 0215	- Siti Hajar				
			- Abdul Aziz				

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2016**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Goh Choon Aik	04-588 3045 019 457 3222
Alias Wan Chek	019 - 540 4553
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Muhamad Suzuki Ahmad	012 - 465 4419
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	R. Gunalan	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	011 - 2666 9091

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2016**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack	017 - 473 0194
Ahmad Razzaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Dis. 2016**

www.penangjazz.com



1 - 4 Disember 2016

Venue :
Bayview Beach Resort, Hard Rock Hotel,
Tropical Spice Garden, 23 Love Lane

3 & 4 Dis (Sabtu & Ahad)
Gardens, Bayview Beach Resort

"Jazz by the Beach" PENTAS UTAMA

Tiket: RM85.00 sehari
(Termasuk RM3.00 fee masuk & GST)

FREE STANDING

Maklumat Tiket:
www.ticketplus.com.my

**10 DAYS
FESTIVALS**
25 NOV - 4 DECEMBER 2016



SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
CHAN LILIAN, LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

PERUNTUKAN Pejabat Ketua Menteri & SUK meningkat kepada RM707 juta adalah untuk menjalankan pembangunan di Seberang Perai, yang mana RM609 juta dipinjamkan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Itulah sebabnya perbelanjaan pembangunan meningkat kepada 61.1% daripada keseluruhan Belanjawan 2017 (Negeri Pulau Pinang), dan bukan macam Belanjawan Persekutuan yang hanya 17.6%."

"PDC akan membuat pembangunan di Seberang Perai demi memastikan pembangunan seimbang (di bahagian pulau dan Seberang Perai), dan juga bagi menjadikan Seberang Perai sebagai salah satu penggerak ekonomi untuk masa depan Pulau Pinang."

- LIM GUAN ENG.

RM220 juta peruntukan terbesar untuk cegah banjir kilat

GEORGE TOWN - Peruntukan RM220 juta untuk pengurusan rancangan tebakan banjir (RTB) berskala besar itu lahir sebabnya RTB Sungai Pinang memerlukan kos dalam Bajet 2017 Pulau Pinang merupakan peruntukan paling besar dalam belanjawan negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, peruntukan itu adalah untuk menangani cabaran banjir kilat yang berpunca oleh longkang, sungai atau parit tersumbat atau kejadian air pasang tinggi semasa hujan lebat di satu-satu lokality.

"Terdapat dua jenis banjir... iaitu banjir besar sungai sehingga melibatkan limpahan sungai yang ketara dan banjir kilat. "Banjir besar sungai memerlukan

Tanggungan GST oleh MBPP dan MPSP diteruskan untuk tahun 2017.

Tanggungan beban GST oleh MBPP & MPSP untuk tahun 2016 adalah berjumlah **RM19.36 juta**, yang mana tidak akan dibayar oleh rakyat.

Ini bermakna, rakyat Pulau Pinang akan mendapat penjimatatan sebanyak RM19.36 juta daripada tidak perlu membuat pembayaran GST.

Bagi 2017, Kerajaan Negeri memberi potongan sebanyak **6%** cukai pintu untuk semua hartanah lain termasuk harta komersial.

Potongan **6% ini akan menjimatkan pemilik di kawasan MBPP sebanyak **RM11,829,732.70** dan di kawasan MPSP (**RM9,907,892.00**).

Bagi pemilik harta bahan rumah kos rendah dan rumah sederhana rendah, potongan **6% cukai pintu akan menyebabkan beban kewangan sebanyak **RM21.74 juta** kepada MBPP dan MPSP.

Pengecualian cukai pintu bagi tahun 2016 kepada semua penghuni rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah kampung / bertanah.

Pengecualian ini akan diteruskan pada tahun

2017.

Guan Eng perinci peruntukan P01 Pejabat KM & Pejabat SUK RM707.6 juta

1.6 juta rakyat Pulau Pinang telah mendapat manfaat melalui bantuan kewangan **RM412.63 juta** yang diagihkan sejak 2008



Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC) turut serta sidang media itu.

Berikut adalah perincian cadangan peruntukan P01 Pejabat Ketua Menteri & Pejabat Setiausaha Kerajaan, sebagaimana terkandung dalam Bajet 2017 Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, 17 November lalu.

Penjelasan Guan Eng sekaliugus menyanggah tuduhan pembangkang yang menggambarkan peruntukan tahunan 2017 untuk Pejabat Ketua Menteri sahaja meningkat kira-kira 434 peratus berbanding jumlah peruntukan bagi tahun 2016.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,

taraf dan membaiki rancangan perumahan murah;

- RM10 (token) pinjaman kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- RM463,020 untuk projek penyelidikan/kajian untuk pembangunan ekonomi Pulau Pinang;
- RM609,000,000 pinjaman kepada PDC;

- RM650,000 untuk projek memperbaikkan muzium dan Balai Seni Lukis;
- RM500,000 untuk projek membina laluan pejalan kaki berbumbung di Masjid Negeri Pulau Pinang;
- RM30,350,000 untuk pinjaman kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Kerja-kerja

● RM12,490,000 untuk projek menaik-

Ukur Kawasan Tadahan Air di Pulau Pinang (pinjaman kepada PBAPP - RM30 juta);

- RM6,216,180 untuk projek kemajuan Bukit Bendera;
- RM1,400,000 untuk projek menaiktaraf ruang pejabat Komtar;
- RM200,000 untuk pameran pembangunan pelancongan;
- RM3,410,000 untuk projek menaiktaraf kuarters-kuarters Kerajaan Negeri;
- RM67,600 untuk projek menaiktaraf kemudahan awam;
- RM150,010 untuk projek menaiktaraf Pavilion Negeri di Medan Fair;
- RM500,000 untuk projek Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang; dan
- RM6,300,000 untuk Projek Khas Ekonomi (seperti pembinaan dan menaiktaraf rumah rakyat miskin, menaiktaraf kompleks Bagan, pembangunan modal insan golongan miskin dan naik taraf dewan orang ramai)
- RM10 (token) Projek Mahkamah Syariah
- RM6,695,000 Pembangunan Kerajaan Digital
- RM2,220,000 Projek Pembangunan Warisan

JUMLAH **RM707,611,840**

Keseimbangan jantina dalam Tadbir Urus Tempatan: Faktor Kejayaan Kritikal bagi Tadbir Urus yang Baik

BAIK kata pepatah, “wanita memegang separuh daripada langit”. Malangnya, wanita tidak memegang separuh daripada semua jawatan membuat keputusan di peringkat global, nasional atau tempatan. Perwakilan wanita dalam membuat keputusan pada masa ini sangat rendah tetapi yang memberangsangkan adalah bawah ia sedang berubah. Pulau Pinang berbangga mempunyai ramai pemimpin wanita yang berkualiti dalam negeri dan kerajaan tempatan seperti Datuk Bandar kami MBPP dan Presiden MPSP, 15% daripada Dewan Undangan Negeri kita dan juga Ahli Majlis kami. Masih ada ruang untuk mencapai minimum 30% perwakilan yang dipersejui secara umum sebagai “kritikal” untuk perubahan yang diperlukan, tetapi yang pasti adalah kami berada dalam landasan yang betul.

Kepimpinan wanita dalam bidang latihan Bengkel Tadbir Urus Tempatan tahun ini menandakan tahun keempat Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menganjurkan program ini. Bermula pada tahun 2016, kami membawa berita baik dalam bentuk penghasil positif program tertentu yang ketara. Barisan Ahli Majlis 2016 bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai,

MPSP menunjukkan peningkatan dalam bilangan Anggota Majlis wanita sebanyak 8% untuk kedua-dua Majlis. (Untuk MBPP, meningkat ke 5 dari 3 Ahli Majlis wanita tahun lepas dan bagi MPSP, meningkat kepada 3 dari 1 wanita tahun lepas). Dari segi peratus, MBPP kini mempunyai 20% dan MPSP 12% perwakilan.

Melalui SKIMAS, atlet bagi sukan perseorangan, pemenang pingat emas menerima wang tunai RM3,000, perak (RM2,000) dan gangsa (RM1,000). Malah, bagi beregu, wang tunai RM1,000 disumbangkan kepada pemenang pingat emas, perak (RM1,000) dan gangsa (RM500).

Bagi pasukan (tiga hingga lima atlet) yang berjaya memperoleh pingat emas, menerima wang tunai RM1,000, perak (RM700) dan gangsa (RM500). Manakala, bagi pasukan melebihi lima atlet, menerima RM500 untuk pingat emas, perak (RM300) dan gangsa (RM200).

Road show MSNPP pupuk minat anak muda ceburi sukan



CHONG Eng (berkemeja putih) dan Frederick Tan Teck An (bertopi) bergambar kenangan dengan barisan atlet pada penganjuran Road Show MSNPP di sini baru-baru ini.

Gambar : DANNY OOI

PADANG KOTA – Selepas kejayaan penganjuran pertama pada Mei lalu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) mengambil pendekatan berterusan dengan mengadakan road show kedua sebagai inisiatif memupuk minat generasi muda menceburi bidang sukan baru-baru ini.

Barisan atlet dari lapan sukan iaitu karate, wushu, silambam, gimnastik berirama, silat, angkat berat, taekwondo dan petanque telah membuat persembahan menarik pada penganjuran di Lebuh Pantai.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng yang menyempurnakan majlis perasmianya berkata, penganjuran tersebut adalah bagi memupuk rakyat Pulau Pinang untuk berada lebih dekat dengan bidang sukan.

“Kerajaan Negeri ingin memupuk minat anak-anak muda untuk menceburi bidang sukan demi melahirkan atlet-atlet masa depan Pulau

Pinang.

“Kita juga tidak mahu Pulau Pinang ketandusan atlet di masa hadapan kerana kita sememangnya antara ‘kilang’ yang menghasilkan sebahagian atlet-atlet bertaraf dunia seperti Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David dan ramai lagi,” ucapnya pada penganjuran Road Show MSNPP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah MSNPP, Frederick Tan Teck An dan Presiden Persatuan Wushu, Tarian Singa dan Naga Pulau Pinang, Datuk H’ng Ban Choon.

Mengulas lanjut, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang juga memberitahu bahawa road show berkaitan juga mampu mengubah persepsi masyarakat yang menganggap sukan mempertahankan diri sebagai sukan yang berbahaya.

“Sebaliknya, kita ingin membuktikan bahawa sukan mampu mendidik anak-anak menjadi lebih berdisiplin, bersemangat, kemampuan bekerja secara berkumpulan dan mempunyai nilai positif,” ujarnya.



DR. Afif Bahardin (duduk, tengah) bersama-sama sebahagian Brigid Wanita KADUN Seberang Jaya bergambar kenangan pada majlis pelancaran dwi program, Program Seberang Jaya Sihat dan Pelancaran Brigid Wanita KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Sasar 30% wanita aktif dalam program komuniti Seberang Jaya

SEBERANG JAYA – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berharap sasaran 30 peratus penglibatan aktif golongan wanita dalam program-program komuniti di bawah Kerajaan Negeri dapat dicapai di Kawasan Dewan Undangan Negerinya (KADUN).

Beliau berkata demikian ketika hadir melancarkan dwi program iaitu Program Seberang Jaya Sihat dan Pelancaran Brigid Wanita KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Menurut Afif, bagi meningkatkan penglibatan wanita kepada 30 peratus, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) perlu memainkan peranan dengan mengadakan lebih banyak program-program komuniti melibatkan masyarakat setempat.

“Sungguhpun penglibatan wanita kini didapati kurang dalam program-program komuniti di bawah Kerajaan Negeri, namun, saya amat berbangga apabila Brigid Wanita KADUN Seberang Jaya berjaya menarik penglibatan lebih daripada 170 individu daripada enam kawasan JKKK.

“Walaupun pada mulanya, saya cuma harapkan 80 (orang) sahaja, tapi wanita

di KADUN Seberang Jaya menunjukkan sikap yang positif dan komitmen tinggi ke arah mencapai matlamat 30 peratus untuk terlibat secara aktif dalam program-program komuniti di bawah Kerajaan Negeri di sini,” katanya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Lanjutnya itu, Afif yakin, lebih ramai wanita akan tampil untuk mengambil bahagian dalam program-program komuniti termasuk mendaftar sebagai ahli Brigid Wanita Pulau Pinang.

Dwi program yang berlangsung serentak itu turut diserikan dengan senaman pagi, senam robik, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak dan demonstrasi kraftangan oleh wakil-wakil wanita setempat.

Selain itu, pemeriksaan kesihatan percuma turut diadakan dengan kerjasama KPJ Penang Specialist Hospital.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Penyelaras Brigid Wanita KADUN Seberang Jaya, Foziah Mohd. Yusoff serta wakil-wakil dari sembilan JKKK KADUN Seberang Jaya.

LOOKING FOR

HALAL

Business?



8th PENANG
INTERNATIONAL
Halal Expo
& Conference

Mark Your Calendar

**24 - 26 FEBRUARY
2017**

Spice Arena, Penang

20 % Discount!!

RESERVE YOUR
PRIME SPACE NOW!
Get Early Bird Discount.

* Before 30 November 2016



CONTACT US : PIHEC 2017 SECRETARIAT, Level 44, KOMTAR 10503, Penang
T: +604-262 5444 | F: +604-263 5444 | E: pihec@halalpenang.com

PihecEvent www.pihec.com.my

Rayer popular sebab rajin turun padang bertemu rakyat

RAJIN turun padang, peduli isu rakyat menjadi salah satu identiti beliau.

Maka, tak hairanlah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer begitu dikenali, tidak kira dalam kalangan Melayu, Cina, India atau kaum lain.

Rayer, yang juga pengamal undang-undang menjadi ADUN di sini sejak menang dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU12), 8 Mac 2008.

Jelajah Sedia Mendengar baru-baru ini ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima diketuai Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, diiringi Rayer di sini.

Turut mengiringi, dua Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid dan D.R. Kala serta Penghulu Kawasan Bukit Gelugor, Nasrizal Nasib.

Di pasar Taman Tun Sardon, Rayer memberitahu MBPP telah melakukan pelbagai kerja-kerja naik taraf infrastruktur, yang menelan belanja kira-kira RM1.2 juta.

“Kerja-kerja naik taraf siap pada April lalu dan dimulakan sejak tengah tahun 2015. Jika anda lihat tandas pasar pada hari ini, dah macam hotel lima bintang,” seloroh beliau kepada pemberita akbar Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**.

Maka, padanlah seorang pengunjung setia pasar itu, **Salamiah Omar**, 67, yang ditemui mengaku mengenai perubahan ketara di sini kini berbanding sebelum tahun 2008.

“Tandas pun bersih, ditambah pula kemudahan lif, selain dicat semula dengan lebih ceria.

“Kita tengok market (pasar) sekaran dah cantik dan selesa, syukur Alhamdulillah, banyak pembaharuan yang beliau buat,” ujarnya respons memberi maklum balas tersebut.

PARKIR TERHAD

Rayer memberitahu, pihaknya ada menerima rungutan mengenai isu parkir tidak cukup daripada penduduk sekitar kawasan kediaman Island Glades.

Jelasnya, permohonan kepada MBPP juga telah pun dibuat untuk

menjadikan sebidang tanah lapang berkeluasan 25,000 kaki persegi berhadapan Krystal Heights sebagai tapak parkir baharu.

“Sebelum ini, kita memang ada kemukakan surat kepada MBPP, namun, untuk penukaran status tanah (tanah untuk rekreasi) kepada parkir agak samar.

“Walau bagaimanapun, saya akan terus berusaha dalam meminimakan masalah tersebut,” kata beliau memberi maklum balas terkini berhubung isu yang dimohon penduduk.

TREK TAK RATA

Rombongan Jelajah Sedia Mendengar Rayer turut melawat serta saling berinteraksi dengan penduduk Taman Rekreasi Lorong Delima 9.

Di sini, Rayer menerima aduan awam mengenai trek pejalan kaki yang tidak rata.

Justeru, Rayer memohon Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaludin yang menyertai jelajah tersebut supaya memberikan ulasan langsung mengenai keadaan trek tidak sekata, berpasir sehingga menyebabkan ada pengguna tergelincir jatuh.

Rashidah dalam reaksi langsung kepada penduduk memberitahu bahawa pihaknya sedang mengkaji kos projek penarafan kemudahan awam tersebut.

“Selewat-lewatnya awal tahun hadapan MBPP akan menaiktaraf trek ini.

“Jika keadaan kewangan mengizinkan, kita akan laksanakan dalam tahun ini juga,” respons Rashidah.

GELANGGANG FUTSAL

Selepas itu, Rayer membawa rombongan Jelajah Sedia Mendengar Kon Yeow ke Gelanggang Futsal Sungai Gelugor dan Taman Tun Sardon.

Di Bukit Gelugor, wakil penduduk bertanya mengenai kegunaan sebidang tanah lapang bersebelahan gelanggang futsal dekat Persiaran Sungai Gelugor 2.

Selain itu, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Gelugor, Merasik Jabbar, menyatakan bahawa gelanggang tersebut memerlukan bumbung demi menangani situasi



NASRIZAL Nasib (kiri sekali), R.S.N. Rayer Rayer (dua dari kiri), Chow Kon Yeow Yeow (tiga dari kiri) dan D.R. Kala (kanan sekali) menunjukkan tanda bagus atas perubahan wajah Pasar Awam dan Balai Rakyat Taman Tun Sardon.



R.S.N Rayer (kiri sekali) memeriksa laluan di Taman Rekreasi Island Glade yang dilaporkan tidak sekata, licin dan berbahaya kepada pengunjung taman tersebut.

cuaca yang tidak menentu.

“Kalau boleh, kita mohon peruntukan bina bumbung di gelanggang futsal berikutkan kadar penggunaan gelanggang ini amat tinggi, setiap malam dan hujung minggu boleh dikatakan penuh.

“Saya faham kos pemasangan bumbung memang tinggi, dan mungkin menghadapi kekangan kewangan.

“Walau apa pun, penduduk di sini menghargai sumbangan Kerajaan Negeri di Sungai Gelugor.

“Dewan JKKK dan gelanggang futsal ini pun hasil dari Kerajaan Negeri yang mengotakkan janji satu DUN satu gelanggang futsal,” jelas Merasik lagi.

Di gelanggang futsal Taman Tun Sardon berhampiran Blok AU pula, Rayer dan Kon Yeow dimaklumkan mengenai mengenai keadaan berair di atas permukaan gelanggang.

Dalam reaksi langsung, Nasrizal berkata, isu berbangkit itu kemungkinan berpunca oleh air mata air ataupun kebocoran paip.

Tambah Nasrizal, pihaknya akan mengadakan pertemuan bersama

pegawai teknikal Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

“Jika terdapat kandungan klorin, maka, boleh kita sahkan sebagai kebocoran paip.

“Dalam masa terdekat, kita akan adakan satu lagi lawatan dalam mencari punca kehadiran air di dalam gelanggang ini,” ujarnya.

Rayer turut memaklumkan paip di sini sebelum ini sudah diperbaiki beberapa kali, namun ianya masih terjadi akibat tekanan air tersebut.

Dalam perkembangan sama, Pengurus JKKK Taman Tun Sardon, Mohd. Hafiz Abdul Aziz turut menyuarakan hasrat menaiktaraf gelanggang tersebut dengan bumbung.

Ini, jelasnya adalah demi kemudahan menyewa gelanggang bermain futsal sungguhpun ketika hujan.

LAMBAKAN PENGUNJUNG

Rayer memberitahu, lambakan pengunjung ke Pasar Awam dan Astaka Taman Tun Sardon mengakibatkan parkir sedia ada tidak mencukupi.

Pun begitu ujarnya, lambakan

pengunjung mencerminkan projek menaik taraf kemudahan awam di sini sekaligus menyumbang kepada rangsangan kuasa produktiviti dan kuasa membeli rakyat.

Jurucakap penduduk setempat, **Abd. Rahim Omar** mengesyorkan pihak berkuasa tempatan (PBT) memajukan projek parit tutup, demi menambahkan ruang parkir.

Kon Yeow dalam reaksi spontan berkata, syor awam itu agak sukar dilaksanakan, memandangkan pelan longkang asal bukanlah direka untuk menampung beban yang berat.

“Ini melibatkan isu keselamatan. Jika ingin dinaik taraf kepada parkir, keseluruhan longkang perlu dibina semula dan ianya sudah tentu memerlukan peruntukan yang besar,” jelas Kon Yeow.

HARAPAN

Rayer menzhirkan keyakinan, segala projek menaiktaraf kemudahan awam yang begitu ketara dilaksana oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini diharap turut dirasai penduduk setempat.

“Sebahagian besar 5,000 hingga 7,000 pengundi kawasan ini pastinya berpuas hati dengan komitmen Kerajaan Negeri dalam menjaga kebijakan penduduk di sini.

“Seri Delima merupakan sebuah kawasan yang unik, walaupun tidak mempunyai masalah besar seperti banjir, tanah runtuhan dan bencana, namun, perkara-perkara lain seperti kemudahan orang ramai masih perlu diselesaikan supaya penduduk selesa tinggal di sini,” katanya ketika menutup bicara.

Sebelum bersurai, Rayer membawa rombongan Kon Yeow menikmati jamuan tengah hari di sini.

Kelihatan, Rayer tak lekang disapa oleh penduduk, kaum peniaga dan pengunjung, sekaligus menyerlahkan ADUN Seri Delima popular kerana rajin turun padang di sini.



ABD. Rahim Omar



SALAMIAH Omar

Kerja baik pulih bangunan di tapak warisan perlu kemuka pelan kepada MBPP

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Langkah penguatkuasaan terhadap sebuah bangunan warisan kategori 2 di Jalan Penang 12 Oktober lalu adalah ekoran kerja-kerja dijalankan di tapak berkaitan yang tidak memperoleh kebenaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow sebagai mengulas kenyataan sebuah akbar berbahasa Cina bertarikh 13 Oktober lalu berhubung tindakan berkaitan.

Menurut beliau, berdasarkan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tapak Warisan Dunia George Town, semua kerja membaik pulih bangunan yang dijalankan di dalam kawasan tapak warisan perlu mengemukakan permohonan pelan kepada MBPP untuk diperakukan terlebih dahulu.

“Segala permohonan yang dikemukakan oleh pemunya untuk membaik pulih

bangunan memerlukan perakuan daripada Jawatankuasa Technical Review Panel (TRP) dan diberi kelulusan oleh Jawatankuasa Tetap Pusat Setempat (OSC) sebelum kerja-kerja di tapak boleh dimulakan,” jelasnya pada sidang media ketika tinjauan ke tapak berkaitan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, berdasarkan rekod, pemunya bangunan telah mengemukakan permohonan untuk menjalankan kerja-kerja pemberian kecil iaitu pendawaian elektrik serta membaik pulih tandas dan MBPP telah mengeluarkan permit bagi kerja-kerja tersebut pada 18 Ogos 2016.

“Namun, hasil daripada siasatan mendapati bahawa kerja-kerja yang dijalankan di tapak tidak mematuhi peruntukan dikeluarkan.

“Kerja-kerja dikesan yang dijalankan termasuk memasang kemasan jubin baru pada dinding dan lantai tingkat bawah, menggunakan lepaan simen serta memasang bumbung asbestos di bahagian

sisi bangunan.

“Justeru, tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh MBPP terhadap lantai dan dinding premis adalah ekoran tidak mempunyai kebenaran dan juga tidak mematuhi peraturan warisan,” ujarnya.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Pengarah Konservasi Warisan MBPP, Noorhanis Noordin.

Sehubungan itu, tambah Kon Yeow, pemunya bangunan telah diberi nasihat dan amaran serta disusuli dengan notis di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 supaya menghentikan kerja-kerja

pengubahsuaian di tapak.

“Pemilik bangunan, pihak konsultan dan kontraktor di dalam Tapak Warisan Dunia George Town dinasihati supaya mematuhi segala syarat dan undang-undang yang telah ditetapkan bagi memastikan nilai keunggulan sejagat di kawasan tersebut terus dipelihara.

“Kita harap mereka (pemunya bangunan, konsultan dan kontraktor) tidak menyalahgunakan permit yang diberikan.

“Untuk pengetahuan, pihak Majlis sentiasa melakukan pemantauan ketat terhadap kerja-kerja yang dilakukan,” kata beliau.



CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) dan Ahli-ahli Majlis MBPP memerhatikan demonstrasi seorang penguatkuasa menjalankan pemeriksaan SPG pada program kesedaran penggunaannya di sini baru-baru ini.

SPG ganti sistem kupon lebih jimat, elak disaman

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjadi perintis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam negara hasil pengenalan gajet pintar, *Smart Parking Gadget* (SPG) sebagai kemudahan dalam proses pembayaran nilai parkir.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, setakat ini, pelaksanaan sistem berkenaan mendapat sambutan menggalakkan dengan sejumlah 5,600 unit telah dijual kepada orang ramai.

“Pengenalan gajet ini dilihat lebih praktikal bagi menggantikan sistem kupon sedia ada kerana ia lebih menjimatkan berbanding tiket.

“Dengan gajet ini, pemilik kendaraan akan melakukan pembayaran mengikut jumlah masa ditentukan mereka.

“Jika sebelum ini bayaran minimum 40 sen setengah sejam akan dikenakan, tetapi dengan penggunaan sistem gajet

elektronik ini, pemilik kendaraan hanya perlu tekan butang untuk mengaktifkannya, letakkan SPG di bahagian hadapan papan pemuka kereta ketika pemilik meninggalkan kendaraan bagi membolehkan penguatkuasa MBPP membuat pemeriksaan.

“Sesudah selesai, tutup (tekan) semula butang ketika meninggalkan petak parkir,” ujarnya pada Program Kesedaran Penggunaan SPG MBPP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang, Wong Yuee Heng dan Pengurus Operasi Perkhidmatan Alam Indah Sdn. Bhd., Eric Voon.

Menurut Kon Yeow, setiap unit gajet SPG dijual pada harga RM75.

“RM50 kredit disediakan dalam gajet tersebut. Orang ramai juga boleh membeli dengan bayaran RM275 dengan jumlah kredit RM300 kredit,” jelasnya.



PARA pelajar SMK Jelutong dan SK Titi Teras sambil ditemani guru pengiring bergambar bersama-sama cek kemenangan masing-masing pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2016 Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.

MPSP lakar sejarah menangi anugerah peringkat kebangsaan & global

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melakar sejarah apabila berjaya meraih lima anugerah, termasuk satu anugerah khas peringkat global kepada Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Maimunah berkata, pengiktirafan diterima MPSP membuktikan kesungguhan pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut dalam terus memberikan perkhidmatan terbaik buat semua pembayar cukai pintu dan warga Seberang Perai.

“Penganugerahan ini juga merupakan penanda aras SOP (Tatacara Pengendalian Piawaian) bagi MPSP dalam menyediakan perkhidmatan terbaik di Seberang Perai,” katanya pada sidang media yang dipengerusikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Hadir sama, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud.

Antara anugerah yang dirangkul oleh MPSP adalah:

*Anugerah Persembahan Terbaik dalam Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang melalui tajuk projek, ‘Masalah Mengenalpasti Binaan Tanpa Kebenaran



KETUA Menteri, Maimunah Mohd. Sharif (tiga dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan plak-plak dan sijil-sijil pengiktirafan yang dimenangi pada sidang media di sini baru-baru ini.

(Freeriders) Untuk Tujuan Kadaran oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta’. PBT berkaitan telah meraih anugerah tersebut untuk tiga tahun berturut-turut.

*Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016 Peringkat Pulau Pinang melalui inovasi antaranya, Anti-

Theft Sliding Door for Lamp Post (A Test Door), Alat Perangkap Lalat, pengenalan Sistem e-Mahkamah dan Anugerah Khas bagi Kad Pemberitahuan Tuggakan Cukai Taksiran.

*Inovasi serupa turut membolehkan MPSP disenarai pendek bagi anugerah

sama AIPBT bagi peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama tujuh PBT lain di Malaysia, antaranya Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Kemaman, Majlis Perbandaran Sepang dan Perbadanan Putrajaya.

*Turut mencatat sejarah dalam *Malaysia Books of Records* (MBOR) apabila menjadi PBT pertama di Malaysia yang memperoleh enam Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti atau ISO.

Di peringkat global pula, Maimunah sendiri telah dianugerahkan ‘Global Human Settlements on Outstanding Contribution Award’ oleh Global Forum on Human Settlements and United Nation Environment Programme (UNEP) di Quito, Ecuador pada 17 Oktober lalu sempena United Nations Conference on Housing & Sustainable Urban Development (Habitat III).

Lanjutan itu, Guan Eng turut menzahirkan ucapan tahniah dan syabas atas kejayaan MPSP sama ada di peringkat negeri maupun antarabangsa.

Laluan khas Persiaran Karpal Singh, penunggang ingkar bakal diambil tindakan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : CHAN LILIAN

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap penunggang motosikal yang didapati ingkar arahan pemanduan membabitkan laluan khas di Persiaran Karpal Singh, Sungai Pinang di sini.

Ahli Majlis merangkap Pengurus Jawatankuasa Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam MBPP, Ahmad Azrilal Tahir berkata, pihaknya (MBPP) telah mengadakan pertemuan serta perbincangan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung kebimbangan dan penyalahgunaan laluan tersebut.

Pihak MBPP maklum akan kebimbangan ini terutamanya dalam kalangan pengunjung di situ, yang mana terdapat segelintir penunggang motosikal tidak bertanggungjawab menggunakan kawasan tersebut sebagai laluan, walaupun ia hanya dikhaskan untuk aktiviti bersantai seperti berjalan kaki, skating lane dan laluan basikal.

“Selain mendapatkan kerjasama pihak polis untuk memantau, Majlis juga telah mengambil inisiatif memasang bollard, namun golongan ini (penunggang motosikal) didapati masih tidak mengendahkannya.

“Sepatutnya, mereka (penunggang motosikal) faham apabila telah diletakkan bollard, maka kenderaan tidak dibenarkan masuk dan menggunakan laluan tersebut,” katanya.

kepada wakil Buletin Mutiara selepas Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) MBPP di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohamed Noor.

Pada MBM yang berlangsung pada 27 Oktober lalu, MBPP telah meluluskan permohonan untuk menempatkan semula aktiviti permainan kasut roda di kawasan tersebut.

Aktiviti sewaan kasut roda di kawasan berkenaan sebelum ini menjadi isu apabila MBPP mentakrifkan ia sebagai menyalahi undang-undang ekoran menggunakan kawasan awam yang tidak dibenarkan untuk tujuan perniagaan.

Dalam pada itu, Mohamed Yusoff memberitahu, bagi tujuan keselamatan para pengunjung, MBPP akan menjalankan penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

“Majlis juga kini telah mempunyai satu pasukan penguatkuasa berbasikal yang akan ditempatkan di sini untuk tujuan pemantauan.

“Malah, kita (Ahli Majlis) akan turut sama turun padang bagi menyuntik kesedaran umum kepada penunggang-penunggang motosikal ini,” jelasnya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, kejayaan berganda Pasukan Paintball MBPP pada Kejohanan Paintball Asia League Series 2016 yang berlangsung di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 21 hingga 23 Oktober lalu wajar dipuji.

Pada kejohanan tersebut, pasukan Majlis telah dinobatkan sebagai johan untuk Kategori Divisyen 3 dan

tempat ketiga (Kategori Divisyen 4). Kemenangan tersebut masing-masing melayakkan pasukan MBPP membawa pulang piala, pingat dan barang paintball bernilai RM5,000 untuk Divisyen 3, manakala RM1,000 (Divisyen 4).

MOHAMED Yusoff Mohamed Noor (kanan) bergambar kenangan bersama wakil Pasukan Paintball MBPP sambil menunjukkan piala kejohanan selepas selesai MBM di sini baru-baru ini.



TAWARAN PENGECUALIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG



Mulai 1 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tuggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

Alamat:
Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Telefon
04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks
04-2613453
Email
farahhanim@penang.gov.my
rizalazli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my



18.10.2016
HINGGA
18.12.2016

MUZIUM NEGERI PULAU PINANG
NO. 57, JALAN MACALISTER, GEORGE TOWN



LEMBAGA MUZIUM NEGERI PULAU PINANG
NO. 57, JALAN MACALISTER, 10400 GEORGE TOWN, PENANG.

UNTUK HEBAHAN

PAMERAN BERGERAK PERTAMA YANG DIADAKAN DI MALAYSIA
"Malaysia's First Travelling Exhibition"

Buat julung kalinya Program 'Silang Budaya 2016' yang berkonsepkan 'Travelling Exhibition' yang diterajui oleh Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang selaku Pengurus Jawatankuasa Pameran & Pendidikan bagi tahun 2016 dibawah Persatuan Muzium Malaysia akan menjelajah ke enam (6) buah negeri di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 2016.

Program ini bertujuan memberikan pendedahan dari aspek seni, kebudayaan dan warisan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa sekaligus meningkatkan kefahaman mengenai kebudayaan dan tradisi masyarakat di Malaysia. Objektif utama 'Silang Budaya 2016' adalah untuk menjalinkan hubungan dua hala secara *'cross interrelation'* dimana peluang serta pendedahan awal diberikan kepada warga kerja muzium untuk mempertingkatkan kemahiran dalam pengendalian pameran dan aktiviti – aktiviti pendidikan sebagai perniagaan teras (*core-business*).

Program ini telah menerima penyertaan daripada Jabatan Muzium Malaysia dan lima buah muzium negeri yang lain. Selaku perintis dan peneraju projek Silang Budaya 2016, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang telah memilih persembahan Ghazal Party sebagai warisan budaya untuk dipertontonkan kepada umum, manakala, Jabatan Muzium Malaysia mengetengahkan pameran mengenai seni warisan Gambus, Lembaga Muzium Negeri Kedah mempersembahkan tradisi wayang kulit Seri Asur. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang mewakili negeri Selangor mempersembahkan seni Cempuling, Yayasan Warisan Johor mempersembahkan seni persembahan Zapin dan Lembaga Muzium Negeri Perak memilih seni Tarian Dabus.

Konsep 'Silang Budaya 2016' adalah cetusan idea dari Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada muzium-muzium yang bergabung serta para pelawat yang telah berkunjung ke pameran 'Silang Budaya 2016' ini. Pameran ini bakal menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia mulai April 2016 dan negeri Perak telah diberi kepercayaan sebagai destinasi pertama untuk melangsungkan pameran Silang Budaya 2016.

Kesinambungan daripada projek rintis ini, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang bakal membuka proses-proses pembikinan serta perjalanan 'Silang Budaya 2016' bermula dari awal cernaan idea serta konsep sehingga proses penjelajahan pameran keenam-enam buah negeri ini berakhir.

Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang merupakan institusi permuziuman Badan Berkanun Negeri dibawah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Haryany Mohamad
Pengarah
Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang
No.57 Jalan Macalister, 10400 Georgetown, Pulau Pinang

Unit Perhubungan Awam
Cik Noorida Bt Noordin / Cik Radziah Othuman / En. Hafiz Zainula
Email : noorida@penangmuseum.gov.my / radziah@penangmuseum.gov.my /
hafiz_zainula@penangmuseum.gov.my
Tel : 04-2261 461 / 462
Website : www.penangmuseum.gov.my
Facebook : <https://www.facebook.com/silangbudaya/>

###



SHahrudin Mohd. Sharif (tiga dari kanan) bersama-sama pasukannya menerima sijil penghargaan daripada Patahiyah Ismail (tengah) sambil disaksikan para jemputan khas lain pada perbentangan Projek Penyertaan Rakyat 'Projek Kita' di sini baru-baru ini.

'Projek Kita' Pantas Niaga, beri keselesaan penghuni PPR Jln. Sungai

Teks dan Gambar : AINUL WARDAH SOHILLI

SUNGAI PINANG – Pasukan Pantas Niaga mengungguli perbentangan Projek Penyertaan Rakyat 'Projek Kita' yang membolehkan mereka memperoleh sumbangan insentif bernilai RM7,500 di sini baru-baru ini.

Pasukan Kristal yang memenangi tempat kedua memperoleh insentif bernilai RM6,600, Tompong Green (RM3,400) dan Brigade Al-Mujahirin (RM2,500).

Peneraju pasukan Pantas Niaga, Shahrudin Mohd. Sharif, 47, ketika ditemui berkata, projek komuniti kiosk pembayaran bil, *Next Pay*, yang dibentangkan ternyata menarik dan berjaya memikat hati para juri.

Menurutnya, melalui projek komuniti tersebut, penghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai tidak perlu lagi beratur panjang di kaunter-kaunter bayaran bil, sebaliknya, mereka boleh membuat pembayaran bil di Pusat Komuniti PPR Jalan Sungai.

"Kemudahan untuk membayar bil ini bukan sahaja cepat, malah juga memberi keselesaan terutama kepada warga emas di sini (PPR Jalan Sungai) iaitu dengan tidak perlu menunggu atau beratur panjang di kaunter.

"Malah, melalui *Next Pay* ini juga, mereka boleh membuat pembayaran bil pada bila-bila masa melalui capaian *bluetooth* ke telefon pintar tanpa terikat dengan waktu operasi di kaunter iaitu Isnin hingga Jumaat, 8 pagi hingga 5 petang. Mereka (penghuni) tidak perlu lagi menghadapi masalah '*system down*' dan sebagainya," katanya yang juga Pengurus Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Datuk

Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Ahli-ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan Nur Zarina Zakaria serta Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPP, Cheong Chee Hong.

Selain membayar bil seperti bil elektrik, bil rangkaian televisyen satelit dan bil air, penghuni PPR Jalan Sungai juga boleh menambah nilai (*top up*) telefon bimbit mereka serta menghantar kiriman wang ke luar negara dengan memuat naik aplikasi 'Next Pay' di telefon pintar.

Tambah Shahrudin, pasukan Pantas Niaga merupakan ejen sah *Next Pay*.

"Melalui projek ini, kami (Pertubuhan Komuniti PPR Sungai Pinang) dapat menjana pendapatan pasif, dan dana yang diperoleh hari ini (RM7,500) akan digunakan untuk menambah bilangan mesin *Next Pay*.

"Pendapatan yang kami peroleh melalui projek ini akan digunakan pula untuk menambah baik pengurusan kami, dan inilah tekad kami, untuk membantu dan memberi keselesaan kepada penghuni PPR Jalan Sungai," jelasnya penuh semangat.

Selainnya, 10 pasukan mengambil bahagian pada sesi pembentangan 'Projek Kita' yang dianjurkan oleh PWDC dengan kerjasama MBPP dan Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai.

Sejumlah RM20,000 disediakan melalui projek bajet partisipatori, *Gender Responsive Participatory Budgeting* (GRPB) untuk dimanfaatkan oleh penduduk PPR Jalan Sungai dengan menampilkan projek-projek penyertaan rakyat.

ADUN Komtar anjur sesi nasihat guaman percuma mulai 8 November

KOMTAR – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng menganjurkan sesi nasihat guaman percuma di pejabatnya pada setiap hari Selasa, minggu kedua serta keempat, mulai 8 November lalu.

Katanya, inisiatif itu dianjur bersama-sama dua peguam, Jarald Mark dan Ng Zai Yang.

"Sebenarnya, idea ini dibincangkan sejak dua tahun lalu kerana ada rakyat ke pusat khidmat kita untuk mendapatkan nasihat dari segi undang-undang."

"Tetapi, sesi nasihat guaman percuma ini boleh dilaksanakan sekarang selepas dua peguam ini tampil menawarkan khidmat nasihat guaman percuma," jelasnya kepada pemberita di Pusat Khidmat ADUN Komtar di sini baru-baru ini.

Menurut Lai Heng, mereka yang berhasrat mendapatkan sesi nasihat guaman percuma tersebut disyorkan menghubungi Pegawai Khas ADUN Komtar, Benji Ang di talian 04 – 227 7068, dan bukan datang terus (*walk-in*) ke Pusat Khidmat ADUN Komtar.

Jarald Mark dalam pada itu memberitahu, pihaknya



TEH Lai Heng (dua dari kanan) mengadakan perbincangan dengan salah seorang peguam pada majlis sidang media pengumuman anjuran sesi nasihat guaman percuma di sini baru-baru ini.

menyediakan nasihat guaman sahaja.

"Secara asasnya, nasihat guaman percuma kepada orang awam ini adalah berkaitan jenayah, sivil, hal-hal awam dan isu cerai."

"Pun begitu, bahagian kami hanya memberi nasihat awam, bukan mewakili orang awam atau perseorangan, untuk elak konflik kepentingan lain," jelasnya.

Saliran bumbung tersumbat, ADUN saran MC tambah kekerapan pembersihan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD.
DAUD**

PAYA TERUBONG – Sistem saliran bumbung yang dipenuhi sisa daun tersumbat dikenal pasti sebagai punca utama saliran air tersebut sehingga menyebabkan limpahan air hujan ke dalam unit kediaman G. Murugiah, 56, di Flat Medan Angsana, Farlim di sini 29 Oktober lalu.

Rentetan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin telah mengaturkan satu pertemuan bersama Badan Pengurusan (MC) flat berkenaan bagi mencari penyelesaian.

“Kita akan berbincang dan saya akan sarankan pihak MC supaya menambah kekerapan pembersihan sistem saliran di atas bumbung yang dipercayai dipenuhi sisa daun tersumbat.

“Selain itu, dahan-dahan pokok terlalu rimbun yang juga dipercayai menjadi penyebab halangan laluan air hujan daripada mengalir ke dalam longkang juga perlu dicantas untuk mengelakkan kejadian sama berulang,” ujarnya ketika mengadakan lawatan ke kediaman mangsa baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), D.R. Kala.

Selaku ADUN kawasan berkaitan, Soon Hin turut menyerahkan sumbangan bantuan bernilai RM1,000 kepada Murugiah.

YEOH Soon Hin (tiga dari kanan) sambil ditemani D.R. Kala (dua dari kanan) menyampaikan cek sumbangan kepada ibu mertua G. Murugiah pada lawatannya baru-baru ini.



ADUN biayai lawatan pelajar ke TDP, suntik minat ilmu sains

Gambar : **G. REVATIC**

TARIK MINAT... Keunikan Tech Dome Penang (TDP) telah menarik minat 30 pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) Azad yang dibawa khas oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus ke sini bersempena sambutan Pra Deepavali baru-baru ini.

Meraikan kumpulan tersebut ialah ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer.

Rayer berkata, TDP hasil inisiatif Kerajaan Negeri membolehkan para pelajar menghayati dan mempelajari dengan lebih dekat ilmu sains serta teknologi.

Rayer dalam pada itu turut bersama kumpulan pelajar berkaitan menyertai aktiviti-aktiviti menarik yang diatur. Antaranya, mewarna kolam, flower tying dan hiasan torenem menggunakan daun kelapa dikendalikan khas ahli-ahli Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamara Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamara



R.S.N. Rayer (barisan belakang) dan sebahagian pelajar SRJKT Azad menunjukkan anyaman torenem yang dihasilkan melalui salah satu aktiviti yang dianjurkan bersempena lawatan mereka ke TDP di sini baru-baru ini.



DR. Afif Bahardin and isteri menyampaikan sumbangan duit raya kepada pengunjung-pengunjung cilik pada sambutan Majlis Rumah Terbuka Deepavali KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Seragam tradisional ADUN curi tumpuan rumah terbuka Deepavali

PESTA CAHAYA SEBERANG JAYA... Seperti tahun-tahun sebelumnya, Majlis Rumah Terbuka Deepavali Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya diadakan dengan penuh keriahan.

Paling mencuri tumpuan adalah seragam tradisional berwarna serba putih yang dikenakan Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Dr. Afif Bahardin dan isteri.

Pelbagai juadah disediakan termasuk sajian tradisi masyarakat berketurunan India.

Malah, bagi golongan kanak-kanak, wajah ceria melonjak gembira selepas



POSE santai Dr. Afif Bahardin bersama-sama hadirin yang hadir memeriahkan majlis.

menerima sumbangan duit raya daripada Afif dan isteri.



PESTA PULAU PINANG 2016

26 NOV - 31 DIS 2016

**TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG,
PULAU PINANG**

JABATAN KEWANGAN NEGERI

Paras 23, KOMTAR, Peti Surat 3007,
10990 Pulau Pinang

No. Tel:

04-262 3505 / 04-658 5202



pestapulaupinang

